Prospek dan Dasar

Prospek Ekonomi Dunia

Perkembangan pada tahun 2000 dan awal tahun 2001

Pada tahun 2000, keluaran dunia berkembang dengan kukuh pada kadar 4.7%, mencerminkan prestasi yang mantap di negara-negara perindustrian utama dan juga pertumbuhan yang lebih tinggi di negara-negara sedang membangun, termasuk Asia Timur. Persekitaran luaran yang memberangsangkan telah menyokong pemulihan yang berterusan di negara-negara Asia Timur yang mencatat pertumbuhan sebanyak 7.7% pada tahun 2000. Pertumbuhan **negara-negara perindustrian utama** sebagai satu kumpulan meningkat kepada 3.8% mencerminkan pertumbuhan yang lebih tinggi di kalangan negara dalam kumpulan ini, terutamanya pada separuh tahun pertama. Berikutan pertumbuhan yang lebih tinggi dan perubahan yang berterusan di kawasan euro, keadaan pasaran buruh di negara-negara perindustrian utama bertambah baik pada tahun 2000. Walaupun kos tenaga dan tekanan permintaan meningkat, pengetatan dasar monetari telah dapat membendung kadar inflasi.

Pada tahun 2000, ekonomi Amerika Syarikat (AS) mencatat pertumbuhan KDNK sebenar yang tertinggi dalam tempoh 16 tahun. Ia disokong terutamanya oleh kekukuhan dalam pelaburan swasta serta perbelanjaan pengguna yang teguh dalam keadaan pertumbuhan produktiviti yang tinggi. Demikian juga di kawasan euro dan United Kingdom (UK), di mana pertumbuhan tahunan meningkat, disokong oleh permintaan dalam negeri dan pertumbuhan eksport yang berterusan kukuh. Di kawasan euro, kelemahan euro telah menyumbang kepada kekukuhan pertumbuhan eksport. Manakala itu, ekonomi Jepun terus lemah, setelah pemulihannya kehilangan momentum bermula pada suku tahun kedua berikutan kemerosotan eksport yang nyata dan kelembapan dalam penggunaan swasta.

Pada separuh tahun kedua, kepesatan dalam pertumbuhan negara-negara perindustrian utama mulai menurun, terutamanya di AS. Pertumbuhan ekonomi AS merosot daripada 5.8% pada separuh tahun pertama kepada 2.7% pada separuh tahun kedua, berikutan keadaan monetari yang ketat, pembetulan harga saham teknologi dan kenaikan dalam harga tenaga. Kadar faedah di AS telah dinaikkan sebanyak 175 mata asas di antara Jun 1999 - Mei 2000.

Ekonomi AS memasuki tahun 2001 dalam keadaan yang lebih lemah di kala berlaku penurunan dalam keyakinan pengguna di samping tekanan dalam pasaran bon korporat dan penguncupan yang nyata dalam sektor perkilangan. Oleh itu *Federal Reserve Board (Fed)* AS telah mengambil langkah yang agresif pada awal bulan Januari dengan menurunkan kadar faedah berjumlah 100 mata asas sebanyak dua kali pada bulan Januari sahaja. Pihak *Fed* juga

Jadual 3.1
Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	KDNK benar (%)			Harga pengguna (%)		
	1999	2000*a*	2001*r*	1999	2000*a*	2001*r*
Pertumbuhan dunia	**3.4**	**4.7**	**3.5**	**–**	**–**	**–**
Perdagangan sedunia	**5.1**	**10.0**	**6 ~ 7**	**–**	**–**	**–**
Negara-negara perindustrian utama	**2.9**	**3.8**	**2.1**	**1.4**	**2.4**	**2.0**
Amerika Syarikat	4.2	5.0	2.0	2.2	3.4	2.6
Jepun	0.8	1.7	0.9	-0.3	–0.7	–0.5
Kawasan Euro	2.5	3.4	3.0	1.1	2.3	1.9
United Kingdom	2.3	3.0	2.6	2.3	2.1	2.2
Asia Timur	**6.5**	**7.7**	**5.7 ~ 6.0**	**0.9**	**1.1**	**2.1 ~ 2.6**
NIE Asia	**7.3**	**8.4**	**5.0 ~ 5.2**	**–0.3**	**0.8**	**2.3 ~ 2.4**
Korea	10.7	9.0	5.3	0.8	2.3	3.7
Taiwan	5.4	6.0	5.3	0.2	1.2	2.0
Singapura	5.4	9.9	5.0 ~ 7.0	0.0	1.3	1.0 ~ 2.0
Hong Kong SAR[1]	3.1	10.5	4.0	–4.0	–3.7	0.0
ASEAN [2]	**3.7**	**6.1**	**4.2 ~ 5.4**	**9.5**	**2.8**	**3.5 ~ 4.0**
Malaysia	5.8	8.5	5.0 ~ 6.0	2.8	1.6	1.5 ~ 2.0
Negeri Thai	4.2	4.5	3.0 ~ 4.5	0.3	1.6	1.5 ~ 2.0
Indonesia	0.2	4.8	4.5 ~ 5.5	24.0	3.7	5.2
Filipina	3.3	3.9	3.8 ~ 4.3	6.7	4.4	6.0 ~ 7.0
Republik Rakyat China	**7.1**	**8.0**	**7.0**	**–2.9**	**0.4**	**1.0 ~ 2.0**

[1] Inflasi merujuk kepada harga komposit.
[2] Termasuk Singapura.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: International Monetary Fund, Datastream, OECD Economic Outlook, Sumber Negara

menunjukkan kecenderungan ke arah pelonggaran pada bulan-bulan yang akan datang. Langkah ini juga telah disusuli oleh pelonggaran dalam dasar monetari di Kanada, Australia, UK, Jepun dan di beberapa negara Asia Timur. Pelonggaran dasar monetari pihak *Fed* telah menyumbang kepada pemulihan dalam keyakinan pelabur dan juga kestabilan yang relatif dalam keadaan pasaran kewangan di AS. Di samping kecuraman keluk kadar hasil bon AS, terdapat juga pemulihan dalam pasaran saham bon AS, di mana penyebaran risiko sekuriti yang lebih tinggi telahpun menguncup.

Prospek pada tahun 2001

Prospek pertumbuhan dunia pada tahun 2001 bergantung terutamanya kepada magnitud dan tempoh kelembapan ekonomi AS. Perubahan dasar yang positif oleh pihak berkuasa dan kemungkinan penurunan kadar faedah serta langkah-langkah fiskal yang dipercepatkan bagi mengiringi pelonggaran monetari telah sedikit sebanyak memulihkan prospek jangka sederhana

negara sedang membangun dijangka akan menyederhana kepada 4.8% (2000: 5.6%) disebabkan terutamanya oleh kelembapan dalam eksport berikutan penyelarasan pengurangan permintaan di AS. Kawasan Asia Timur dijangka akan berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 5.7 – 6% berikutan dasar dalam negeri yang menyokong pertumbuhan serta dijangka dapat mengimbangi sebahagian daripada kesan negatif mendadak daripada eksport. Pertumbuhan dijangka terus kukuh di Republik Rakyat China. Namun begitu, kesan kelembapan ekonomi AS dijangka menjejaskan pertumbuhan ekonomi lain di Asia Timur. Selaras dengan kelembapan dalam pertumbuhan ekonomi dunia, pertumbuhan dalam jumlah **perdagangan sedunia** dijangka menyederhana kepada lebih kurang 6 - 7% pada tahun 2001 (2000: 10%).

Negara-negara Perindustrian

Pada tahun 2001, pertumbuhan KDNK benar **Amerika Syarikat** dijangka merosot dengan ketara kepada 2 – 2.5% daripada 5% pada tahun 2000.

Kelembapan dalam pertumbuhan ekonomi dijangka akan membawa kepada penyederhanaan dalam pertumbuhan ekonomi dunia. Justeru, tindak balas dasar yang pre-emptif dijangka akan memudahkan pemulihan dalam ekonomi pada separuh tahun kedua.

secara keseluruhannya. Tindak balas yang cepat bertujuan untuk memudahkan pemulihan ekonomi AS pada separuh tahun kedua tahun 2001. Walau bagaimanapun, kelembapan pertumbuhan ekonomi pada separuh tahun pertama tahun 2001 akan menyebabkan pertumbuhan tahunan secara keseluruhannya berada di bawah potensi, iaitu di antara 2 - 2.5%.

Oleh kerana AS merupakan ekonomi yang terbesar di dunia, mencakupi lebih satu perlima daripada keluaran dunia dan merupakan 19% daripada eksport dunia, kelembapan ekonomi AS dijangka akan menyebabkan **pertumbuhan dunia** menyederhana kepada 3.5% pada tahun 2001 (2000: 4.7%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini adalah lebih tinggi daripada purata pertumbuhan yang telah dicatatkan dalam dekad yang lalu (3.2%). Pertumbuhan keluaran benar **negara-negara perindustrian utama** dijangka merosot kepada 2.1% pada tahun 2001, mencerminkan pertumbuhan yang lebih lemah di AS dan Jepun. Kawasan euro secara relatifnya dijangka akan terus kekal kukuh pada tahun 2001. Sementara itu, pertumbuhan di **negara-**

Ekonomi AS dijangka akan membuat penyelarasan pada separuh tahun pertama, mencerminkan proses pengimbangan semula stok setelah para pengeluar mengurangkan pengeluaran selaras dengan kelembapan yang ketara dalam permintaan keseluruhan ekonomi. Dengan pengenalan

Graf 3.1
Negara-negara Perindustrian Utama: Pertumbuhan KDNK Benar (2000-2001)
Perubahan tahunan (%)



teknologi maklumat, penyelarasan yang diperlukan dalam sektor benar dijangka akan berlaku dengan lebih pantas berbanding kelembapan ekonomi sebelum ini. Oleh itu, pertumbuhan KDNK benar dijangka merosot ke paras yang amat rendah pada separuh tahun pertama sebelum aktiviti ekonomi menjadi rancak semula ke paras potensi pada separuh tahun kedua, didorong terutamanya oleh dasar-dasar yang menggalakkan pertumbuhan. Pihak berkuasa kini mempunyai lebih fleksibiliti dalam penggunaan dasar bagi menangani kelembapan ekonomi. Ini berdasarkan keadaan fiskal yang memberangsangkan (berada dalam lebihan semenjak tahun 1998 setelah 29 tahun mengalami defisit) dan prospek inflasi yang beransur pulih berikutan harga minyak yang berkurangan daripada paras tertingginya pada tahun 2000. Penyelarasan dasar monetari dengan dasar fiskal yang sepadan iaitu cadangan penurunan kadar cukai sebanyak AS$1.6 trilion yang diagihkan selama 10 tahun, dijangka akan menyokong pemulihan ekonomi dengan lebih awal.

Tindakan agresif pihak *Fed* bagi menurunkan kadar faedah dijangka akan memudahkan kitaran menaik dalam ekonomi melalui empat kesan positif terhadap KDNK iaitu kesan psikologi, kesan tradisi, kesan mudah tunai dan kesan kekayaan. Kedua-dua kesan psikologi (faktor keyakinan) dan kesan tradisi (yang menyokong perbelanjaan berbanding tabungan) disebabkan oleh kadar faedah rendah yang diharap akan mendorong isi rumah AS terus berbelanja lebih daripada memperuntukkan sumber untuk menabung. Kesan mudah tunai dijangka dapat meringankan beban kewangan badan-badan korporat yang memerlukan pembiayaan daripada pasaran kewangan. Dorongan positif daripada kesan kekayaan dijangka menjadi lebih ketara kerana sejarah telah membuktikan bahawa pasaran-pasaran saham AS lebih cenderung meningkat selepas pihak *Fed* mula melonggarkan dasar monetari. Ini adalah hasil daripada pemulihan kunci kira-kira kedua-dua isi rumah dan badan-badan korporat, yang seterusnya akan menggalakkan penggunaan dan pelaburan. Walau bagaimanapun, ruang untuk kelonggaran dasar monetari bergantung kepada kestabilan dolar dalam asas wajaran perdagangan, yang akan memastikan kadar inflasi kekal terkawal semasa pelonggaran monetari dilaksanakan. Prestasi dolar pula bergantung kepada keadaan sistem kewangan AS dan keyakinan pelabur secara keseluruhan. Berdasarkan pengalaman yang lalu, pelonggaran monetari dijangka akan menunjukkan kesan yang diingini pada aktiviti ekonomi benar dalam jangka masa enam bulan. Justeru itu, pemulihan ekonomi dijangka bermula pada separuh tahun kedua tahun 2001.

Selepas menguncup pada suku ketiga tahun 2000, **ekonomi Jepun** dijangka pulih secara beransur-ansur pada tahun 2001, disokong terutamanya oleh perbelanjaan kerajaan. Pertumbuhan KDNK benar tahunan dijangka berada di bawah paras 1%. Memandangkan persekitaran luaran yang kurang memberangsangkan, permintaan eksport daripada pasaran utama Jepun iaitu AS (mencakupi 31% daripada jumlah eksportnya) dan Asia Timur (mencakupi 37% daripada jumlah eksportnya) dijangka merosot. Sementara kelembapan dalam sektor luaran dijangka berterusan pada separuh tahun pertama tahun 2001, pakej rancangan fiskal pada tahun 2000 yang berjumlah ¥11 trilion dalam keadaan kredit yang mudah, dijangka dapat memberangsangkan pertumbuhan. Bagi memulihkan ekonomi, kerajaan Jepun, pada awal bulan Mac 2001, telah mengumumkan pakej kecemasan yang merangkumi pemotongan kadar cukai dan langkah-langkah menyokong sistem perbankan. Sementara itu, permintaan swasta dijangka akan kekal rendah memandangkan keadaan pasaran buruh yang lemah dan juga kesan deflasi. Prospek bagi Jepun akan kekal sensitif kepada perkembangan negatif luaran, ketidakpastian keadaan dalam negeri dan kelemahan kedudukan fiskal (hutang awam yang tinggi).

Negara-negara perindustrian utama di Eropah dijangka akan terus kekal berdaya tahan menghadapi kelembapan di AS memandangkan pendedahan terhad negara-negara tersebut dari segi kadar syarat perdagangan serta potensi bagi pelonggaran dasar. AS mencakupi lebih kurang 8% daripada jumlah eksport kawasan euro dan 15% daripada jumlah eksport UK. Pertumbuhan di **kawasan euro** secara keseluruhan dijangka **terus kukuh, melebihi arah aliran sebanyak 3% pada tahun 2001** (2000: 3.4%), disokong terutamanya oleh kekukuhan secara relatif negara-negara utama dalam kawasan euro. Perubahan struktural sepanjang tahun 1990an dalam persediaan untuk mata wang tunggal dan juga pembaharuan dalam pasaran buruh, telah menguntungkan kawasan euro dari segi kecekapan ekonomi secara keseluruhan dan pengukuhan asas-asas ekonomi. Kawasan euro

kini mempunyai inflasi teras yang lebih rendah, kedudukan fiskal yang bertambah baik dan pengangguran yang lebih rendah berikutan rancangan penswastaan yang sedang dijalankan dan juga penyahkawalseliaan. Kawasan ini juga dijangka akan mendapat manfaat daripada peningkatan dalam produktiviti berikutan pembaharuan struktur dan juga daripada era "ekonomi baru". Selain daripada itu, satu lagi perkembangan menggalakkan yang mungkin dapat menyokong pertumbuhan negara-negara euro ialah cadangan pembaharuan cukai yang diumumkan oleh beberapa negara, termasuk Jerman, Perancis, Belgium, Ireland, negeri Belanda, Itali dan Finland. Potongan cukai yang dianggarkan di antara 0.5 – 0.6% daripada kadar KDNK benar akan menyediakan kitaran balas yang penting bagi merangsang ekonomi kawasan euro. Berlatarbelakangkan harga minyak yang stabil dan pengukuhan dalam mata wang, *European Central Bank* juga dijangka akan melonggarkan dasar monetari pada tahun ini. Dasar ini mungkin dapat mendorong permintaan dalam negeri dan dapat mengimbangi sebahagian daripada tekanan negatif akibat penurunan dalam eksport.

Ekonomi UK juga dijangka terus berkembang pada tahun 2001 bagi tahun kesembilan berturut-turut, tetapi pada kadar yang sederhana iaitu sebanyak 2.6%, disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri. Dasar fiskal dijangka menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih tinggi, terutamanya melalui kenaikan dalam perbelanjaan awam. Prospek peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan kerajaan yang lebih kurang 4% daripada KDNK benar dalam sektor pendidikan, kemudahan perubatan dan perubahan dalam sistem pencen di samping cadangan perubahan dalam pakej cukai yang berjumlah lebih kurang 0.4% daripada KDNK, dijangka dapat memastikan penggunaan dan pemulihan dalam suasana pelaburan. Pihak berkuasa juga mempunyai ruang untuk melengkapkan dasar fiskal bersama-sama dengan dasar monetari yang lebih longgar dalam keadaan inflasi yang semakin menyederhana.

Inflasi di negara-negara perindustrian utama secara keseluruhannya dijangka menurun ke tahap 2% pada tahun 2001. Ini mencerminkan deflasi yang berterusan di Jepun dan inflasi yang lebih rendah atau stabil di negara-negara perindustrian utama. Harga minyak yang stabil, persaingan runcit yang masih berterusan dan peningkatan dalam ganjaran produktiviti yang berterusan, terutamanya dalam kawasan euro dan UK, dijangka dapat mengawal tekanan harga pada tahun 2001. Dasar-dasar pihak berkuasa yang menyokong pertumbuhan ekonomi tidak mungkin akan membangkitkan semula tekanan inflasi memandangkan permintaan dalam negeri yang semakin menyederhana.

Inflasi di AS dijangka menyederhana ke paras 2.6%, mencerminkan harga yang lebih rendah dan dalam keadaan tekanan permintaan yang semakin berkurangan. Begitu juga, di kawasan euro, inflasi juga dijangka menjadi reda ke bawah paras sasaran rasmi 2% berikutan jangkaan pengukuhan dalam nilai mata wang euro dan kestabilan harga tenaga. Di UK, walaupun terdapat tekanan upah, inflasi dijangka terus stabil pada paras 2.2%, iaitu di bawah paras sasaran rasmi sebanyak 2.5%, berikutan peningkatan dalam produktiviti dan persaingan runcit. Di Jepun, harga pengguna dijangka merosot sebanyak 0.5% pada tahun 2001 (2000: -0.7%). Tekanan ke bawah daripada inovasi teknologi, persaingan runcit dan penyeragaman dalam rangkaian pengedaran dijangka lebih daripada mengimbangi tekanan ke atas, berikutan penurunan dalam nilai yen dalam keadaan permintaan pengguna yang lemah.

Walaupun keadaan pasaran kewangan bertambah baik dan terdapat penunjuk lain yang menjurus ke arah pemulihan dalam ekonomi AS berikutan langkah pelonggaran oleh pihak *Fed* pada bulan Januari, **risiko utama ekonomi dunia adalah "kejatuhan secara mendadak" ekonomi AS.** Adalah dianggap bahawa beberapa kejutan selain daripada apa yang sedang ditangani sekarang, boleh membawa kepada keadaan yang lebih sukar. Pada masa berlakunya titik pertukaran kitaran, faktor keyakinan memainkan peranan penting dalam menentukan saiz kelembapan dalam ekonomi. Terdapat kelemahan-kelemahan yang sedia ada dalam ekonomi AS yang boleh mengubah sentimen pelabur secara tiba-tiba semasa fasa penyelarasan sekarang yang boleh membawa kepada kitaran buruk *(vicious cycle)* dan lanjutan kelembapan dalam ekonomi. Kelemahan tersebut termasuk tahap hutang sektor swasta yang tinggi (hutang badan korporat dan isi rumah sebagai bahagian kepada KDNK: 132%), pendedahan isi rumah kepada pasaran saham (lebih 60% daripada aset

kewangan isi rumah adalah dalam bentuk saham) dan kadar tabungan persendirian yang rendah (hampir 0%). Kelembapan ekonomi AS akan mendedahkan sistem kewangannya kepada tekanan yang tidak berasas, seterusnya akan menggugat keyakinan pelabur asing di pasaran aset AS. Perkembangan sedemikian bukan sahaja boleh menjejaskan kestabilan dolar tetapi juga boleh menyebabkan penurunan yang mendadak dalam pembiayaan, penguncupan perbelanjaan pengguna dan penurunan dalam perbelanjaan pelaburan yang seterusnya. Oleh kerana perbelanjaan pengguna mencakupi dua pertiga daripada KDNK AS, ia boleh memberi kesan yang meluas. Di samping itu, nilai dolar yang lemah mungkin juga boleh menyekat keupayaan pihak berkuasa untuk melonggarkan dasar monetari memandangkan implikasinya terhadap prospek tekanan inflasi.

Secara seimbang, pembaikan struktural dalam ekonomi AS telah meningkatkan kefleksibelan penggubalan dasar untuk menangani kelembapan ekonomi. Pembaikan struktural ini termasuklah kedudukan fiskal yang kukuh, pertumbuhan produktiviti yang tinggi, kepelbagaian dan kecanggihan sistem kewangan dan jangkaan inflasi yang rendah. Perkembangan yang memberangsangkan ini memberikan pihak berkuasa ruang yang luas untuk menggubal dasar, dari segi monetari dan fiskal. Tambahan pula, kadar faedah sekarang adalah lebih rendah berbanding kelembapan ekonomi yang lalu yang membolehkan AS mengatasi masalah kelembapan ekonomi terkininya dengan lebih baik.

Sementara risiko utama masih tertumpu kepada prestasi ekonomi AS, **risiko lain** yang boleh memberi kesan kepada pertumbuhan dunia ialah **kenaikan harga minyak secara mendadak** boleh menjejaskan pertumbuhan sedunia. Memandangkan jurang yang sempit di antara pengeluaran dan permintaan minyak, harga terkini adalah sensitif kepada perkembangan buruk dan ketidaktentuan keadaan politik di negara-negara pengeluar minyak. Sebarang kenaikan harga minyak boleh menghadkan ruang pelonggaran dasar monetari bagi menangani keadaan kelembapan ekonomi kini.

Ekonomi Asia Timur

Pada tahun 2000, ekonomi serantau mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang sangat memberangsangkan. Prestasi yang memberangsangkan ini adalah disebabkan oleh pemulihan dalam permintaan agregat yang disokong oleh faktor luaran yang memuaskan. Pada tahun 2001 pula, ekonomi serantau akan dipengaruhi oleh kesan pertumbuhan AS yang lebih rendah, justeru menghasilkan kadar pertumbuhan KDNK yang lebih sederhana. Namun demikian, **pertumbuhan serantau** akan kekal kukuh dalam lingkungan 5.7-6%, disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang kukuh di Republik Rakyat China. Tanpa mengambilkira Republik Rakyat China, rantau Asia Timur dijangka mencatat pertumbuhan KDNK di dalam lingkungan 4.7% - 5.2%.

Persekitaran luaran dijangka kurang memuaskan disebabkan oleh ekonomi AS yang lemah dan arah aliran menurun dalam kitaran elektronik dunia. Pertumbuhan ekonomi AS yang lembap dijangka akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi serantau memandangkan lebih kurang 22% daripada eksport rantau Asia Timur adalah ke AS. Faktor pendorong pertumbuhan di negara-negara serantau dijangka beralih daripada berasaskan eksport bersih kepada permintaan dalam negeri, dan disokong oleh dasar monetari yang terus longgar serta dasar fiskal yang mengembang. Negara-negara serantau sekarang meneruskan dasar yang menyokong pertumbuhan bagi memastikan pertumbuhan yang mapan. Ia boleh berbuat demikian memandangkan keadaan inflasi yang rendah, pertumbuhan ekonomi yang kukuh di rantau Asia Timur pada dua tahun kebelakangan ini serta kitaran pelonggaran kewangan semasa di negara-negara perindustrian utama. Dasar-dasar tersebut dijangka dapat memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam ekonomi dan menggalakkan pinjaman bank dan seterusnya menyederhanakan kesan negatif akibat kemerosotan permintaan luar negeri dari segi pelaburan, guna tenaga dan penggunaan.

Asia Timur kini berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menyerap kejutan luaran. Memandangkan asas-asas ekonomi yang kukuh, dasar pengembangan akan menyokong sumber pertumbuhan dalam negeri.

Pada keseluruhannya, ekonomi serantau kini berada dalam kedudukan yang lebih kukuh untuk menghadapi sebarang kemungkinan kejutan luar. Kemajuan yang pesat telah dicapai dalam menangani kelemahan-kelemahan yang sedia ada. Khususnya, kedudukan luaran negara-negara serantau kini adalah lebih kukuh berbanding tempoh sebelum krisis. Pegangan rizab pertukaran asing negara-negara serantau adalah lebih tinggi dan mempunyai liputan yang mencukupi terhadap tanggungan jangka pendek, sementara program yang aktif telah dilaksanakan bagi memanjangkan struktur kematangan hutang luar negeri. Imbangan akaun semasa negara-negara serantau pada tahun 2001 dijangka kekal dalam lebihan. Walau bagaimanapun, lebihan tersebut dijangka menjadi lebih rendah mencerminkan sebahagiannya oleh jangkaan penyederhanaan dalam permintaan luaran dan sebahagian lagi oleh kemerosotan dalam kadar syarat perdagangan beberapa negara serantau. Harga eksport elektronik yang lemah dan harga import yang tinggi bagi minyak dijangka mempengaruhi kadar syarat perdagangan beberapa buah negara. Sebahagian besar daripada penstrukturan semula selepas krisis, terutamanya dalam sektor kewangan yang telah dilaksanakan, akan meningkatkan kecekapan dan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi. Inflasi, walaupun meningkat, dijangka akan kekal rendah pada tahun 2001, disebabkan oleh keadaan permintaan yang lemah dan harga minyak sedunia yang stabil bagi membolehkan dasar kewangan memainkan peranan dalam menyokong dasar yang berorientasikan pertumbuhan.

Pada tahun 2001, **Ekonomi Perindustrian Baru Asia (NIE Asia)** sebagai satu kumpulan dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana iaitu sebanyak 5-5.2% (2000: 8.4%) yang mencerminkan pertumbuhan yang lebih perlahan di kesemua negara dalam kumpulan ini. Penyederhanaan tersebut menggambarkan sebahagiannya kesan asas yang tinggi daripada tahun sebelumnya dan sebahagian lagi oleh pendedahan NIE yang besar kepada sektor elektronik. Di **Korea**, momentum pertumbuhan dijangka menyederhana kepada kadar 5.3% pada tahun 2001 daripada 9 - 11% pada dua tahun yang lepas berikutan daripada permintaan eksport yang lemah, terutamanya bagi elektronik, dan penyederhanaan dalam permintaan dalam

Graf 3.2
Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar (%)



negeri. Pertumbuhan KDNK benar di **Taiwan** dan **Singapura** juga dijangka menyederhana masing-masing kepada 5.3% dan 5 - 7%. Ini mencerminkan kesan daripada permintaan luaran yang lebih rendah dan juga disebabkan oleh penyederhanaan dalam pelaburan modal di Taiwan. Walau bagaimanapun, kedua-dua negara telah mengumumkan rancangan dasar fiskal mereka yang mengembang pada tahun 2001 untuk merangsang permintaan dalam negeri dan untuk menangani sebahagian daripada kesan negatif daripada penyederhanaan dalam pertumbuhan ekonomi AS. Bagi Singapura, penyiapan kapasiti perkilangan yang baru hasil daripada pelaburannya baru-baru ini juga dijangka menyumbang kepada pertumbuhan ekonominya pada tahun 2001.

Ekonomi **Hong Kong Special Administrative Region (SAR)** juga dijangka terjejas oleh penyederhanaan ekonomi AS dengan pertumbuhan ekonominya menyederhana kepada 4% pada tahun 2001. Pertumbuhan yang lebih rendah tersebut adalah sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas yang tinggi. Kesan limpahan daripada kemasukan Republik Rakyat China ke Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan dasarnya untuk membangunkan kawasan pendalaman Barat dijangka meningkatkan aktiviti ekonomi Hong Kong SAR dan mengimbangi sebahagian daripada permintaan dunia yang lebih perlahan. Pertumbuhan KDNK benar di **Republik Rakyat China** dijangka kekal pada paras yang tinggi sebanyak 7% pada tahun 2001, disokong terutamanya oleh pelaburan langsung asing yang didorong oleh jangkaan kemasukan ke

WTO, perbelanjaan fiskal mengembang dan dasar monetari yang longgar.

Sementara itu, pertumbuhan bagi ekonomi **ASEAN** dijangka menyederhana kepada 4.2-5.4% pada tahun 2001, mencerminkan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan di kebanyakan negara anggota, meskipun pertumbuhan dijangka disokong oleh dasar kewangan yang lebih longgar dan dasar fiskal mengembang. Pertumbuhan di **Filipina** dan **Negeri Thai** diramalkan rendah masing-masing pada 3.8 – 4.3% dan 3 - 4.5%, selaras dengan pertumbuhan dunia yang lebih perlahan dan permintaan dalam negeri yang lembap. Walau bagaimanapun, rangsangan daripada pakej fiskal yang lebih besar akan dapat membantu menyokong pertumbuhan ekonomi di Negeri Thai. Pertumbuhan dalam keluaran pada tahun 2001 di **Indonesia** juga dijangka rendah dalam lingkungan 4.5 – 5.5%. Sumber pertumbuhan ekonomi adalah dari sektor eksport bersih memandangkan Indonesia terus mendapat manfaat daripada hasil yang lebih tinggi daripada harga minyak yang dijangka kekal di paras yang agak tinggi.

Sementara itu, **inflasi** dijangka kekal rendah di negara-negara serantau walaupun meningkat sedikit ke tahap 2.1 - 2.6% pada tahun 2001. Tekanan harga dijangka muncul daripada kesan lat daripada kenaikan dalam harga minyak sebelum ini dan penyusutan nilai mata wang, yang mana sebahagiannya diimbangi oleh jangkaan penyederhanaan dalam permintaan. Inflasi di **NIE Asia** sebagai satu kumpulan dijangka meningkat dengan sederhana kepada 2.3 – 2.4%, mencerminkan harga pengguna yang lebih tinggi di kesemua negara anggota. Perkembangan yang penting ialah di Hong Kong SAR, tekanan deflasi dijangka menjadi lega kesan daripada penyelarasan kos yang dilaksanakan sebelum ini yang beransur berkurangan. Walaupun inflasi di Korea dijangka meningkat sebanyak 3.7% disebabkan oleh kesan pemindahan daripada harga minyak yang lebih tinggi dan nilai mata wang yang lebih lemah, inflasi di Taiwan dan Singapura dijangka kekal rendah disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang lebih perlahan.

Inflasi di negara-negara **ASEAN** sebagai satu kumpulan dijangka meningkat pada kadar yang lebih pesat sebanyak 3.5 - 4% pada tahun 2001, disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih tinggi di Filipina dan Indonesia. Jika kedua-dua negara tersebut dikecualikan, inflasi di rantau ASEAN dijangka kekal stabil pada tahun 2001. Tekanan harga di Filipina dan Indonesia dijangka lahir daripada kesan penuh harga minyak yang lebih tinggi, penyusutan mata wang dan kenaikan upah bagi kakitangan awam serta keluaran pertanian yang rendah di Filipina. Sementara itu, inflasi di Negeri Thai dijangka kekal rendah disebabkan oleh penyederhanaan permintaan akibat daripada penyederhanaan dalam aktiviti ekonomi. Di **Republik Rakyat China** pula, harga pengguna dijangka meningkat sedikit disebabkan oleh pemulihan dalam sentimen pengguna berikutan peningkatan upah kakitangan kerajaan dalam keadaan kadar faedah yang rendah.

Kadar Faedah dan Kadar Pertukaran Asing

Pada tahun 2000, dasar kewangan di negara-negara perindustrian utama lebih cenderung kepada pengetatan dalam keadaan tekanan inflasi yang timbul terutamanya daripada harga tenaga yang lebih tinggi dan juga permintaan dalam negeri. Di AS, **Federal Reserve Board** *(Fed)* meneruskan pengetatan dasar kewangan pre-emptifnya pada separuh tahun pertama tahun 2000 dengan kenaikan kadar faedah sebanyak

Graf 3.3
Negara-negara Perindustrian Utama: Kadar Faedah Rasmi



100 mata asas sebanyak tiga kali kepada 6.5% pada 16 Mei 2000. Pihak *Fed* berubah langkah ke arah kelonggaran pada akhir bulan Disember berikutan tanda kelembapan ekonomi AS yang lebih ketara daripada jangkaan awalan. **Bank of England** (BOE) menaikkan kadar berian pinjaman asas (BLR) sebanyak dua kali pada tahun 2000, iaitu sebanyak 25 mata asas masing-masing pada 13 Januari 2000 dan 10 Februari 2000 kepada 6% dan mengekalkan tahap tersebut sepanjang tahun. Ini berikutan tekanan inflasi yang mereda pada tempoh penyederhanaan aktiviti ekonomi. Pengetatan monetari adalah lebih agresif di kawasan euro, apabila **European Central Bank** (ECB) menaikkan kadar *repo* sebanyak 175 mata asas sebanyak enam kali kepada kadar 4.75% pada 5 Oktober 2000 bertujuan untuk menangani kedua-dua kesan kelemahan mata wang euro dan kesan inflasi daripada harga tenaga yang lebih tinggi. **Bank of Japan** (BOJ) juga menamatkan dasar kadar faedah sifarnya yang berlanjutan selama 18 bulan dengan menaikkan kadar semalaman kepada 0.25% pada 11 Ogos 2000. Ini dianggap sebagai langkah untuk mengembalikan dasar monetari kepada keadaan normal dengan matlamat untuk menghapuskan gangguan pasaran di kala terdapatnya tanda-tanda awal pemulihan dalam aktiviti ekonomi.

Pada **awal tahun 2001,** dasar monetari di negara-negara perindustrian utama beralih menjadi lebih longgar dengan AS, UK dan Jepun mengurangkan kadar faedah pada dua bulan pertama tahun 2001. Pihak *Fed* mengambil langkah yang pertama dengan mengurangkan kadar faedah secara agresif sebanyak 100 mata asas sebanyak dua kali pada bulan Januari. Ini merupakan penurunan bulanan yang terbesar semenjak tahun 1984, untuk menangani kemerosotan ekonomi AS yang nyata. Langkah ini disusuli oleh BOE yang menurunkan BLR sebanyak 25 mata asas kepada 5.75% pada 8 Februari sebagai langkah pre-emptif untuk mengurangkan kesan kelembapan dunia ke atas ekonominya dalam keadaan inflasi yang sederhana. BOJ juga mengurangkan kadar faedah sebanyak dua kali pada bulan Februari berikutan tanda-tanda aktiviti ekonomi yang semakin lemah dalam keadaan deflasi yang berterusan, kelembapan permintaan luar negeri dan kejatuhan pasaran saham. Pada 9 Februari, BOJ mengurangkan kadar diskaun simboliknya daripada 0.50% kepada 0.35% dan memperkenalkan kemudahan pinjaman tunggu sedia. Pada 28 Februari, BOJ mengurangkan kadar semalaman sebanyak 10 mata asas kepada 0.15% dan menurun kadar diskaun kepada 0.25%.

Bagi **tempoh tahun 2001 seterusnya**, bank-bank pusat di negara-negara perindustrian utama dijangka akan meneruskan dasar kewangan yang longgar, terutamanya pada separuh tahun pertama, memandangkan kelemahan ekonomi AS dan kesan limpahan ke atas ekonomi dunia. Namun begitu, tahap kelonggaran bergantung kepada beberapa faktor, seperti jangka masa yang diambil oleh dasar monetari bagi menunjukkan kesan dan kepantasan tindak balas terhadap ekonomi. Faktor yang lebih kritikal dan tidak begitu pasti yang boleh mempengaruhi tahap kelonggaran dasar monetari ialah prestasi pasaran kewangan, terutamanya tindak balas institusi-institusi kewangan ke atas keadaan kredit dan kestabilan mata wang utama.

Namun begitu, oleh kerana keadaan kitaran dasar kewangan kini semakin bertambah pendek, terdapat kemungkinan bahawa kitaran kelonggaran adalah sementara sahaja. Ini menyebabkan pihak berkuasa kewangan menjadi semakin berhati-hati pada separuh tahun kedua. Sementara itu, di Jepun, ruang untuk mengurangkan kadar faedah seterusnya semakin kurang dan seterusnya BOJ dijangka mengambil langkah alternatif untuk meningkatkan kecairan dalam sistem untuk menangani tekanan deflasi dan kesan potensi daripada peraturan akaun yang lebih tegas ke atas sektor kewangan.

Di pasaran **pertukaran wang,** dolar Amerika Syarikat menjadi lebih kukuh berbanding kesemua mata wang utama lain pada **tahun 2000.** Dolar mengukuh berbanding yen, euro dan pound sterling masing-masing sebanyak 10.6%, 6.5% dan 7.6%. Nilai dolar disokong oleh kekukuhan relatif ekonomi AS, terutamanya pada awal tahun 2000, serta aliran masuk modal yang menyokong AS. Nilai euro berubah arah menjelang akhir tahun untuk ditutup pada kadar pertukaran E1=AS$0.9424 selepas mencapai kadar intra-hari terendah, E1=AS$0.8225 pada 26 Oktober 2000. Pengukuhan euro disokong oleh perubahan dalam tanggapan pasaran bahawa kawasan euro akan berkembang dengan lebih pesat berbanding ekonomi AS, berikutan kelembapan yang ketara dalam ekonomi AS. Walaupun terdapat ketidakpastian mengenai

Graf 3.4
Pergerakan Dolar Amerika Syarikat berbanding Mata Wang Utama



kelembapan ekonomi AS, nilai dolar kekal kukuh berbanding kesemua mata wang utama yang lain pada **dua bulan pertama tahun 2001.** Sentimen terhadap dolar berkekalan akibat sokongan pentadbiran baru AS yang terus menyokong dasar dolar yang kukuh serta kesan positif daripada pelonggaran dalam dasar monetari terkini ke atas keyakinan para pelabur dan pasaran kewangan AS. Sementara itu, nilai yen terjejas kerana ketidakyakinan pasaran berikutan kemerosotan keadaan ekonomi Jepun.

Prospek dolar berbanding mata wang utama yang lain untuk jangka masa pendek akan dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti penyelarasan portfolio sebagai tindak balas kepada perbezaan dalam kadar faedah, prestasi pasaran kewangan dan tahap kelemahan ekonomi AS berbanding ekonomi yang lain. Walaupun kelonggaran yang agresif dalam dasar monetari pihak *Fed* akan menyebabkan nilai dolar nampak lebih lemah dari segi perbezaan kadar faedah, kesan positif daripada dasar kewangan *Fed* yang longgar ke atas pasaran kewangan AS dan aktiviti ekonomi benar mungkin menyokong dolar. Namun begitu, mata wang utama dijangka akan diniagakan berbanding dolar dalam lingkungan yang sempit memandangkan sebarang kemeruapan mata wang yang nyata boleh memburukkan lagi kesan kelemahan ekonomi dunia. Pada mesyuarat G7 pada 17 Februari 2001, pihak berkuasa monetari menegaskan bahawa mereka akan terus memantau perkembangan dan berkerjasama dalam kadar pertukaran asing bagi memastikan bahawa kadar pertukaran asing di antara mata wang utama mencerminkan asas-asas ekonomi.

Ekonomi Malaysia pada tahun 2001

Dalam persekitaran luar yang kurang menggalakkan pada tahun 2001, dorongan utama kepada pertumbuhan di Malaysia dijangka datang daripada kekukuhan permintaan dalam negeri. Momentum pertumbuhan yang diperoleh pada dua tahun sebelumnya dan asas-asas yang kukuh dijangka menghasilkan dorongan yang memadai bagi **keluaran ekonomi dalam negeri benar untuk berkembang sebanyak 5-6% pada tahun 2001,** berbanding 8.5% pada tahun 2000. Malaysia mempunyai fleksibiliti dasar untuk bertindak dan melaksanakan langkah-langkah pro-pertumbuhan untuk meningkatkan permintaan dalam negeri bagi mengimbangi pertumbuhan sektor luaran yang lebih perlahan. Dalam konteks perkembangan-perkembangan tersebut, pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) benar bagi ekonomi Malaysia diramal mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan pada dua suku tahun pertama tahun 2001 dan pertumbuhan yang lebih kukuh pada separuh tahun kedua.

Penunjuk-penunjuk membayangkan bahawa penyederhanaan dalam pertumbuhan di negara-negara perindustrian utama akan berterusan pada separuh tahun pertama sebelum peningkatan dijangka berlaku pada separuh tahun kedua. Memandangkan Amerika Syarikat (AS) merupakan rakan dagang yang penting bagi Malaysia, perkembangan di AS akan memberikan kesan ke atas ekonomi Malaysia. Anggaran pertumbuhan untuk tahun 2001 adalah berlandaskan anggapan bahawa permintaan luar

Keluaran benar mengukuh sebanyak 5-6% pada tahun 2001. Asas-asas yang mantap telah membolehkan dasar ekonomi makro untuk mengukuhkan permintaan dalam negeri.

Jadual 3.2
Sumbangan Komponen Permintaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar

	2000*a*	2001*r*
	% mata sumbangan	
Permintaan agregat dalam negeri (tidak termasuk stok)	**12.5**	**7.3**
Perbelanjaan sektor swasta	8.9	4.6
Penggunaan	*5.4*	*3.2*
Pelaburan	*3.5*	*1.4*
Perbelanjaan sektor awam	3.2	2.8
Penggunaan	*0.2*	*1.4*
Pelaburan	*3.0*	*1.4*
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan bukan faktor	**–4.0**	**–2.3**
Eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor	17.9	5.8
Import barangan dan perkhidmatan bukan faktor	22.0	8.1
Keluaran Dalam Negara Kasar	**8.5**	**5.0–6.0**[1]

[1] Ramalan bagi komponen permintaan adalah berdasarkan kepada pertumbuhan KDNK benar sebanyak 5%.
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

akan menyederhana disebabkan oleh kelembapan ekonomi AS, ekonomi Jepun yang masih lemah, dan penyederhanaan dalam permintaan terhadap elektronik akibat pengumpulan stok sedunia pada separuh tahun kedua tahun 2000. Keluaran benar di AS dijangka menurun daripada 5% pada tahun 2000 kepada 2% pada tahun 2001.

Kesan jangkaan kelembapan ekonomi AS telah diambil kira dalam pakej rangsangan fiskal yang terkandung dalam Belanjawan Tahun 2001. Oleh itu, sektor awam akan terus bertindak balas kepada kitaran ekonomi. Di samping perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi, rangsangan fiskal adalah bertujuan untuk menggalakkan perbelanjaan sektor swasta memandangkan permintaan luar yang lebih perlahan. Keseluruhan belanjawan defisit yang disemak semula dijangka kekal besar, iaitu 5.1% daripada KNK (4.7% daripada KDNK). Perbelanjaan sektor awam dijangka berkembang sebanyak 10.4% pada tahun 2001 untuk menyerap kelembapan dalam permintaan luar dan menyediakan pendorong kepada pertumbuhan yang berterusan dalam penggunaan dan pelaburan dalam negeri. Pertumbuhan dalam **penggunaan awam** dijangka terus meningkat sebanyak 12.3% akibat perbelanjaan yang lebih tinggi bagi ketiga-tiga komponen, iaitu gaji, pertahanan serta bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan **pelaburan awam** dijangka meningkat sebanyak 8.9%. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM26.8 bilion untuk perbelanjaan pembangunan pada tahun 2001. Dari segi keutamaan perbelanjaan, peruntukan yang lebih tinggi diberikan kepada sektor perkhidmatan sosial, terutamanya bagi pendidikan dan latihan (RM5.9 bilion), perumahan (RM1.7 bilion) dan perkhidmatan kesihatan (RM1.2 bilion). Penekanan juga diberikan kepada pembangunan infrastruktur (RM4.4 bilion), pembangunan perindustrian (RM2.5 bilion) dan pembangunan pertanian serta luar bandar (RM1.5 bilion).

Perbelanjaan fiskal yang lebih tinggi, insentif cukai yang khusus yang diperkenalkan dalam Belanjawan Tahun 2001 di samping kadar faedah yang rendah dijangka membendung penyederhanaan dalam pertumbuhan perbelanjaan sektor swasta kepada 7.5% daripada 15.7% pada tahun 2000. **Penggunaan swasta** diramal meningkat sebanyak 7%. Langkah-langkah yang diperkenalkan dalam Belanjawan Tahun 2001 untuk meningkatkan lagi pendapatan boleh guna dan menggalakkan perbelanjaan penggunaan adalah rebat cukai yang lebih tinggi bagi pembayar cukai individu daripada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana dan kenaikan dalam kelayakan kumpulan pendapatan boleh cukai bagi rebat cukai ini daripada RM10,000 kepada RM35,000 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Jadual 3.3
KDNK mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga tahun 1987)

	2000*a*	2001*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Permintaan agregat dalam negeri[1]	**14.6**	**8.4**
Penggunaan	10.0	8.1
Pelaburan	24.1	9.1
Permintaan agregat swasta[1]	**15.7**	**7.5**
Penggunaan	12.4	7.0
Pelaburan	26.7	9.2
Permintaan agregat awam[1]	**12.3**	**10.4**
Penggunaan	1.7	12.3
Pelaburan	21.7	8.9
Keluaran Dalam Negara Kasar	**8.5**	**5.0–6.0**[2]

[1] Tidak termasuk stok.
[2] Ramalan bagi komponen permintaan adalah berdasarkan kepada pertumbuhan KDNK benar sebanyak 5%.
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pelaburan swasta dijangka meningkat pada kadar 9.2% pada tahun 2001. Sejajar dengan objektif untuk menjadikan sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan, Kerajaan terus menyediakan Insentif Galakan Istimewa kepada para pelabur tempatan dan asing. Satu jumlah pelulusan yang tinggi telah diberikan pada tahun 2000. Pekilang-pekilang telah menyatakan bahawa meskipun terdapat kelembapan dalam ekonomi AS, rancangan pengembangan ruang kilang akan diteruskan. Dalam pada itu, peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk pendidikan dan latihan, pembangunan perindustrian dan infrastruktur akan terus menggalakkan pelaburan dalam sektor pembinaan, perkilangan dan perkhidmatan.

Pengeluaran barangan perkilangan dijangka menurun kepada 8.7% pada tahun 2001 daripada 25% pada tahun 2000, mencerminkan penyederhaan dalam pengeluaran sektor berorientasikan eksport, terutamanya industri elektronik. Sementara pengeluaran barangan elektronik pada suku tahun pertama tahun 2001 disokong oleh tempahan yang kukuh yang telah diterima oleh para pekilang, kelembapan dalam pertumbuhan dijangka berlaku pada suku tahun kedua pada ketika pengeluaran menyelaras dengan kesan lat daripada penyederhanaan dalam permintaan luar. Walau bagaimanapun, **nilai ditambah dalam sektor perkilangan** dijangka berkembang lebih kukuh pada separuh tahun kedua, dengan jumlah pengeluaran melebihi jumlah pada tempoh yang sama tahun 2000. Pertumbuhan keluaran sektor berorientasikan pasaran tempatan dijangka menyederhana pada kadar yang lebih perlahan. Bagi keseluruhan tahun 2001, nilai ditambah dalam sektor ini dijangka meningkat sebanyak 8.5%.

Dalam **sektor pertanian**, nilai ditambah dijangka meningkat sebanyak 1.1%, disebabkan terutamanya oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam minyak sawit mentah ekoran daripada pengembangan dalam kawasan matang. Pengeluaran getah dijangka terus merosot akibat harga yang rendah. Begitu juga, pengeluaran kayu balak dijangka merosot, akibat penyederhanaan dalam aktiviti pembalakan. Nilai ditambah dalam **sektor perlombongan,** walau bagaimanapun, dijangka pulih kembali untuk mecatatkan pertumbuhan sebanyak 1.4% disebabkan oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi berikutan jangkaan kenaikan dalam permintaan dalam negeri. Sebaliknya, pengeluaran minyak mentah dijangka stabil.

Jadual 3.4
Pertumbuhan KDNK Benar mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga tahun 1987)

	2000*a*	2001*r*
	% pertumbuhan tahunan	
KDNK benar	**8.5**	**5.0-6.0**[1]
Pertanian	0.4	1.1
Perlombongan	–0.5	1.4
Perkilangan	21.0	8.5
Pembinaan	1.1	1.0
Perkhidmatan	4.7	3.6

[1] Ramalan sector adalah berdasarkan kepada pertumbuhan KDNK benar sebanyak 5%.
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pemulihan dalam **sektor pembinaan** dijangka berterusan pada kadar stabil sebanyak 1% dengan pertumbuhan berpunca terutamanya daripada subsektor kejuruteraan awam dan perumahan berikutan program rangsangan fiskal Kerajaan dan promosi galakan pemilikan rumah dengan insentif yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan sektor perbankan. Langkah-langkah yang diperkenalkan untuk menggalakkan aktiviti pembinaan dalam sektor perumahan termasuk melonggarkan kriteria pengeluaran KWSP bagi membolehkan para pencarum membeli rumah kedua. Dalam subsektor bukan perumahan, aktiviti pembinaan terus terjejas akibat lebihan kapasiti, dengan aktiviti pembinaan bertumpu terutamanya kepada projek yang sedang berjalan.

Memandang kepada kekuatan rangkaian sektor pembinaan dengan sektor-sektor lain dalam ekonomi, rangsangan fiskal telah bertumpu kepada sektor pembinaan untuk menyokong

Graf 3.5
Hartanah yang Tidak Dijual



pemulihan ekonomi semasa kemerosotan ekonomi Malaysia. Usaha-usaha terbaru untuk menyokong ekonomi melalui perbelanjaan pembangunan dan pembangunan perumahan Kerajaan telah mengimbang kemerosotan sektor pembinaan dan menyumbang kepada peningkatan dalam aktiviti ekonomi dalam negeri. Walau bagaimanapun, harta tanah tidak terjual yang besar dalam subsektor bukan perumahan akan menghadkan potensi pertumbuhan sektor tersebut keseluruhannya. Pertumbuhan sektor ini dalam waktu terdekat bagaimanapun terus akan kekal positif. Pertumbuhan yang lebih kukuh memerlukan pengurangan stok harta tanah yang tidak terjual yang lebih pantas dalam semua subsektor.

Nilai ditambah dalam **sektor perkhidmatan** dijangka meningkat pada kadar 3.6%. Pertumbuhan dijangka akan disokong terutamanya oleh subsektor pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi; perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran; dan utiliti. Subsektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka mendapat faedah daripada pelbagai program termasuk kempen-kempen promosi, temasya sukan antarabangsa dan karnival jualan yang dirancang pada tahun ini. Nilai ditambah yang lebih tinggi juga dijangka berpunca daripada jangkaan peningkatan dalam ketibaan pelancong.

Pada tahun 2001, **inflasi** dijangka kekal rendah. Sementara jurang keluaran negara telah menjadi lebih kecil, tekanan inflasi berkemungkinan besar akan kekal sederhana di sepanjang tahun. Kenaikan kos upah dijangka tidak menambah tekanan inflasi disebabkan perubahan produktiviti buruh dijangka pada amnya kekal pada paras lebih tinggi. Pada masa yang sama, memandangkan prospek harga minyak yang lebih rendah pada tahun 2001 dan pertumbuhan ekonomi sedunia yang lebih perlahan, inflasi luar negara dijangka terkawal. Kejutan utama berkaitan penawaran terhadap inflasi juga tidak dijangkakan. Harga kebanyakan komoditi diramal lebih rendah daripada harga pada tahun sebelumnya disebabkan bekalan adalah lebih tinggi dalam keadaan permintaan yang sedang menjadi lebih perlahan. Harga makanan, terutamanya untuk beras serta minyak dan lemak sayur-sayuran dan binatang, dijangka meningkat pada kadar yang lebih rendah, jika tidak berlaku kekurangan kitaran akibat keadaan cuaca. Harga makanan juga dijangka mendapat faedah daripada insentif yang diberi kepada syarikat yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan untuk keluaran bahan makanan.

Untuk sepuluh bulan pertama tahun 2001, kadar inflasi dijangka terus mencerminkan kesan lat daripada beberapa penyelarasan kenaikan harga bersifat sekali yang berlaku pada separuh tahun kedua tahun 2000. Di samping itu, beberapa penyelarasan harga seperti penyelarasan cukai perkhidmatan sebanyak 5% ke atas perkhidmatan tertentu, penyeragaman kadar duti setem ke atas instrumen tertentu, kenaikan bayaran air di beberapa buah negeri dan kenaikan harga untuk beberapa jenis ubat sama ada telah berlaku sejak permulaan tahun atau akan berkuat kuasa mulai bulan Mac 2001. Meskipun inflasi mungkin naik sedikit pada tempoh ini, inflasi untuk keseluruhan tahun 2001 akan terkawal pada 1.5%. Sekiranya beberapa penyelarasan harga yang lain, seperti

Graf 3.6
Penunjuk Inflasi



Indeks Harga Pengeluar



Keterangan Lanjut Mengenai Indeks Harga Pengguna (IHP) yang Diasaskan Semula

Mulai Januari 2001, IHP telah diasaskan semula ke tahun 2000. Tahun asas sebelum ini adalah tahun 1994. IHP biasanya diasaskan semula lebih kurang sekali setiap lima tahun. Ini akan memastikan bahawa IHP sentiasa tepat mencerminkan corak perbelanjaan semasa semua isi rumah di Malaysia dan dalam proses ini tetap menjadi penunjuk inflasi pengguna yang dipercayai dan relevan. Jabatan Perangkaan Malaysia telah menggunakan penemuan yang diperoleh daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah yang dijalankan selama dua belas bulan daripada Julai 1998 hingga Jun 1999 untuk memperoleh wajaran perbelanjaan baru mengikut kawasan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Wajaran ini kemudianya disesuaikan kepada tahun asas 2000. Untuk mendapatkan wajaran perbelanjaan di peringkat negara, nilai purata perbelanjaan isi rumah bagi tiga kawasan tersebut telah dipertingkatkan untuk mencerminkan nilai perbelanjaan semua isi rumah dalam setiap tiga kawasan yang berkenaan. Dengan menggunakan nilai-nilai ini, bahagian perbelanjaan mengikut kawasan yang diperoleh adalah 81.57% bagi Semenanjung Malaysia, 8.90% bagi Sabah dan 9.53% bagi Sarawak. Wajaran-wajaran kawasan tersebut kemudiannya ditukarkan menjadi wajaran negara dengan menggunakan bahagian perbelanjaan kawasan-kawasan berkenaan. Harga bagi lebih kurang 430 barangan terus digunakan dalam pengiraan IHP dan harga-harga tersebut diperoleh dari lebih kurang 16,000 kedai runcit di 88 pusat pungutan di Semenanjung Malaysia, 1,800 kedai runcit di 15 pusat pungutan di Sabah dan 1,600 kedai runcit di 13 pusat pungutan di Sarawak.

Perbezaan wajaran di antara IHP yang telah diasaskan semula (2000=100) dan IHP terdahulu (1994=100) adalah seperti di jadual. Kenaikan ketara dalam wajaran adalah untuk kumpulan "sewa kasar, bahan api dan kuasa" dan "pengangkutan dan perhubungan" dan penurunan dalam wajaran untuk kumpulan "makanan", terutamanya untuk kategori "makanan di rumah". Bagi pengkelasan mengikut ketahanan dan perkhidmatan, terdapat kenaikan ketara untuk perkhidmatan dan pengurangan untuk kesemua jenis barangan. Ini menandakan kepentingan perkhidmatan yang kian bertambah dalam perbelanjaan pengguna.

Jadual 3.5
Malaysia: Wajaran bagi Indeks Harga Pengguna (%)

	IHP Semasa (2000=100) (a)	IHP Semasa (2000=100) (b)	Perbezaan di antara (a) dan (b)
Makanan	33.8	34.9	–1.1
Minuman dan tembakau	3.1	3.6	–0.5
Pakaian dan kasut	3.4	3.6	–0.2
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.4	21.1	1.3
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.3	5.6	–0.3
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	1.9	–0.1
Pengangkutan dan perhubungan	18.8	17.9	0.9
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.9	5.8	0.1
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	5.5	5.6	–0.1
Jumlah	**100.0**	**100.0**	

	IHP Semasa (2000=100) (a)	IHP Lama (1994=100) (b)	Perbezaan di antara (a) dan (b)
Jumlah Makanan	33.8	34.9	–1.1
Makanan di rumah	24.1	25.1	–1.0
Beras, roti dan bijirin lain	5.5	5.5	0.0
Daging	3.4	3.8	–0.4
Ikan	4.9	4.9	0.0
Susu dan telur	2.1	2.3	–0.2
Minyak dan lemak	0.8	0.7	0.1
Buah-buahan dan sayur-sayuran	5.0	5.4	–0.4
Gula	0.5	0.6	–0.1
Kopi dan teh	0.8	0.8	0.0
Makanan lain	1.1	1.1	0.0
Makanan di luar rumah	9.7	9.8	–0.1
Barang-barang tahan lama	9.4	10.0	–0.6
Barang-barang separuh tahan lama	5.4	5.5	–0.1
Barang-barang tidak tahan lama	40.2	41.2	–1.0
Perkhidmatan	45.0	43.3	1.7
Jumlah	**100.0**	**100.0**	

tarif elektrik, yang sedang dipertimbangkan, mula berkuat kuasa, kadar inflasi dijangka naik, tetapi ia dijangka membawa kepada kadar inflasi tidak melebihi 2% pada tahun 2001. Pada tempoh Januari-Februari 2001, inflasi meningkat sebanyak 1.5%.

Kedudukan pasaran buruh dijangka kekal stabil pada tahun 2001. Berikutan krisis serantau pada tahun 1997, syarikat-syarikat telah menjalankan kegiatan merasionalisasi secara besar-besaran dan oleh itu kebanyakan syarikat beroperasi pada paras guna tenaga/modal optimum. Perpindahan kepada Ekonomi berteraskan Pengetahuan (K-ekonomi) juga dijangka akan menjana peluang-peluang pekerjaan baru, terutamanya dalam industri berteknologi tinggi, seperti sektor berkaitan ICT. Pada keseluruhannya, ekonomi diunjur untuk terus beroperasi di bawah guna tenaga penuh, dengan kadar pengangguran di sekitar 3%.

Akaun semasa bagi imbangan pembayaran dijangka kekal dengan lebihan yang nyata, tetapi lebihan itu dijangka menyusut kepada RM22.1 bilion (AS$5.8 bilion) atau 6.8% daripada KNK. Penyusutan lebihan akaun semasa mencerminkan kelembapan dalam **pertumbuhan eksport** daripada 16.1% pada tahun 2000 kepada 4.9% pada tahun 2001. **Pertumbuhan import** juga dijangka menurun daripada 25.7% pada tahun 2000 kepada 8.4% pada tahun 2001. Pertumbuhan import, walau bagaimanapun, dijangka akan menjadi lebih kukuh daripada eksport disebabkan oleh permintaan berterusan terhadap bahan dan peralatan import bagi menyokong aktiviti pelaburan yang sedang dilaksanakan. Ini bertentangan dengan perkembangan pada tahun 1998 di mana lebihan dagangan yang besar dicapai daripada penguncupan yang nyata pada import, berikutan pengurangan yang nyata dalam aktiviti pelaburan. Jumlah pelaburan sebagai peratus daripada KNK diramal akan stabil pada kira-kira 29% pada tahun 2001.

Jadual 3.6
Imbangan Pembayaran

	2000*a*	2001*r*	2000*a*	2001*r*
	RM bilion		AS$ bilion	
Imbangan dagangan	79.5	71.2	20.9	18.7
Akaun perdagangan	60.9	52.9	16.0	13.9
Eksport (% perubahan)	*16.1*	*4.9*	*16.1*	*4.9*
Import (% perubahan)	*25.7*	*8.4*	*25.7*	*8.4*
Imbangan perkhidmatan	–40.6	–41.3	–10.7	–10.9
Pindahan	–7.7	–7.8	–2.0	–2.1
Imbangan akaun semasa	**31.2**	**22.1**	**8.2**	**5.8**
(% daripada KNK)	10.0	6.8	10.0	6.8
Imbangan modal jangka panjang	11.5	11.6	3.0	3.1
Imbangan asas	**42.6**	**33.7**	**11.2**	**8.9**
Modal jangka pendek swasta	–36.0		–9.5	
Kesilapan dan ketinggalan	–10.3		–2.7	
Imbangan keseluruhan	**–3.7**		**–1.0**	

a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan eksport barangan perkilangan dijangka meningkat sebanyak 8.5% pada tahun 2001 (2000: 17%). Penunjuk-penunjuk membayangkan bahawa sektor perkilangan disokong oleh kepelbagaian jenis produk hasil daripada usaha-usaha mengubah struktur industri yang dilaksanakan pada tahun-tahun yang lalu. Pada masa ini, eksport bagi alat-alat elektronik utama yang berkaitan ICT mencakupi kira-kira 66% daripada jumlah eksport industri elektronik dan 35% daripada jumlah eksport perkilangan. Ini akan membantu Malaysia memperoleh faedah daripada perkembangan dalam sektor ICT sedunia di luar Amerika Syarikat, khususnya di Eropah dan rantau Asia Pasifik. Peningkatan haluan global ke arah pengecilan dan pendigitilan peralatan elektronik dan elektrik, di samping amalan mendapat bahan dari sumber luar oleh syarikat multinasional utama juga akan membendung penyederhanaan dalam pertumbuhan eksport. Kesannya, **jumlah eksport** dijangka berkembang sebanyak 10.2%, sementara **harga** dijangka menurun sebanyak 2%.

Harga komoditi Malaysia dijangka menurun, dengan **indeks keseluruhan nilai unit eksport untuk komoditi** dijangka menurun sebanyak 17.3% pada tahun 2001. **Harga minyak sawit** dijangka tidak akan berubah banyak daripada paras kini disebabkan bekalan sedunia bagi minyak sayuran dijangka kekal berlebihan. **Harga eksport kayu balak dan kayu siap digergaji** juga dijangka lebih rendah disebabkan oleh permintaan luar yang lebih perlahan di samping persaingan daripada kayu lembut dan kayu Afrika. Bagi kedua-dua produk ini, jumlah eksport dijangka menurun disebabkan oleh permintaan luar yang lebih perlahan. **Harga getah**, walau bagaimanapun, diramal meningkat berikutan jangkaan kejatuhan pengeluaran getah sedunia. Walau bagaimanapun, harga ini dijangka kekal

Jadual 3.7
Eksport dan Import

	2000*a*	2001*r*
	RM bilion	
Eksport kasar	373.3	391.5
(% perubahan)	16.1	4.9
Barangan perkilangan	317.9	344.9
(% perubahan)	*17.0*	*8.5*
Galian	26.8	20.8
(% perubahan)	*55.8*	*–22.3*
Pertanian	22.9	20.0
(% perubahan)	*–17.2*	*–12.8*
Import kasar	312.4	338.7
(% perubahan)	25.7	8.4
Barangan modal	47.1	52.0
(% perubahan)	*47.7*	*10.6*
Barang pengantara	230.6	246.6
(% perubahan)	*25.6*	*6.9*
Barang penggunaan	17.4	18.8
(% perubahan)	*17.2*	*8.0*

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pada paras tidak menguntungkan, dan oleh itu, pengeluaran getah tidak mungkin meningkat. Akibatnya, perolehan eksport getah dijangka menyusut. Sejajar dengan jangkaan harga minyak mentah sedunia akan menyederhana, **harga minyak mentah** Malaysia diramal berpurata sebanyak AS$23.00 setong (AS$29.58 pada tahun 2000). Harga minyak mentah sedunia kini sebanyak AS$27-28 setong tidak dijangka bertahan pada sepanjang tahun 2001, memandangkan permintaan sedunia diramal lebih rendah berikutan penyederhanaan dalam pertumbuhan ekonomi. Sementara permintaan luar terhadap gas asli cecair dijangka kekal menggalakkan, eksport **gas asli cecair** juga diramal menyusut disebabkan harga ekport yang lebih rendah, berikutan harga minyak mentah yang lebih rendah. Mencerminkan terutamanya harga eksport yang lebih rendah bagi minyak sawit mentah, minyak mentah dan getah, **eksport komoditi pertanian dan mineral** diramal merosot masing-masing sebanyak 12.8% (2000: -17.2%) dan 22.3% (2000: +55.8%).

Sementara jumlah import dijangka meningkat pada kadar yang sederhana, harga import diramalkan menurun. Pertumbuhan import bagi ketiga-tiga kategori utama dijangka membawa kepada pertumbuhan import keseluruhannya sebanyak 8.4%. Sementara import barangan pertengahan dianggarkan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.9%, pertumbuhan dalam import barangan modal dijangka kekal kukuh secara relatifnya berikutan aktiviti pelaburan yang berterusan dalam ekonomi.

Defisit perkhidmatan diunjur lebih tinggi sedikit, iaitu sebanyak RM41.3 bilion pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, dari segi aktiviti ekonomi, defisit ini dijangka bertambah baik kepada 12.7% daripada KNK (13.1% pada tahun 2000). Perkembangan positif ini disebabkan pemulihan seterusnya dalam akaun pelancongan dan pendidikan dan sebahagian kecilnya, disebabkan komponen pendapatan faedah di bawah akaun pendapatan pelaburan. Kekuatan akaun perkhidmatan akan berpunca daripada aliran masuk yang lebih tinggi dalam akaun pelancongan dan pendidikan serta akaun pengangkutan yang lain. Pelancongan dan pendidikan menyediakan peluang untuk mengekalkan pertumbuhan pada tempoh ini. Pada tahun 2001, ketibaan pelancong dijangka meningkat lagi kepada 10.6 juta pelawat (10.2 juta pada tahun 2000), dengan itu meningkatkan perolehan pertukaran asing dalam akaun perjalanan. Sementara sebahagian besar daripada pelancong terus dijangka datang daripada negara-negara ASEAN, akan terdapat usaha yang lebih untuk meningkatkan bilangan pelawat dari bahagian Asia yang lain, bertumpu terutamanya kepada pelancong-pelancong daripada kelas pertengahan dari India, China dan juga Timur Tengah.

Komponen pendapatan faedah dijangka mencatatkan lebihan yang lebih besar mencerminkan bayaran faedah yang lebih rendah ke atas hutang luar negeri disebabkan jangkaan kejatuhan kadar faedah sedunia. Peningkatan dalam aliran keluar bersih pendapatan pelaburan, tambang dan insurans serta pembayaran perkhidmatan-perkhidmatan lain akan mencerminkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada tahun tersebut. Tidak termasuk keuntungan dan dividen yang terakru kepada pelabur asing, defisit perkhidmatan adalah lebih rendah sebanyak 9.7% daripada KNK (10.2% pada tahun 2000). Pembayaran pindahan tak berbayar balik bersih dijangka kekal tinggi sebanyak RM7.8 bilion, mencerminkan penghantaran balik dana oleh pekerja asing.

Akaun modal jangka panjang dijangka kekal stabil pada RM11.6 bilion pada tahun 2001 (2000: RM11.5 bilion). Aliran masuk bersih modal jangka panjang rasmi yang lebih tinggi sebanyak RM5.7 bilion (2000: RM4 bilion) dijangka akan diimbangi oleh aliran masuk modal jangka panjang swasta yang lebih rendah sebanyak RM5.9 bilion (2000: RM7.5 billion). Kerajaan Persekutuan dijangka akan mengeluarkan dana daripada pinjaman yang telah diperoleh serta menjana dana baru yang berjumlah sebanyak RM5 bilion untuk membiayai defisit fiskal. Peningkatan pelaburan luar negeri oleh rakyat Malaysia dijangka kekal nyata, mengakibatkan lebihan yang lebih rendah dalam akaun modal jangka panjang swasta.

Hutang luar negeri yang belum dijelaskan dijangka meningkat secara sederhana kepada RM163.2 bilion pada akhir tahun 2001, bersamaan 50.3% daripada KNK, mencerminkan terutamanya peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan manakala hutang jangka pendek dijangka kekal pada paras pada akhir tahun 2000. Pinjaman luar bersih PABK dan sektor swasta dijangka kecil secara relatifnya pada tahun 2001. Kesannya, **nisbah khidmat hutang** dijangka stabil pada 5%, mencerminkan polisi berhemat ke atas pengurusan hutang luar negeri.

Pengurusan Ekonomi pada tahun 2001

Dalam **pengurusan ekonomi Malaysia** pada tahun 2001, asas-asas yang kukuh mengizinkan fleksibiliti dasar untuk mengurus kesan kelembapan pertumbuhan sedunia ke atas ekonomi dalam negeri secara efektif. Penyesuaian dasar semasa krisis telah memberikan penggubal dasar fleksibiliti yang lebih untuk bertindak balas terhadap perkembangan di AS dan negara-negara perindustrian lain. Justeru itu, dasar ekonomi makro akan mengukuhkan permintaan dalam negeri sekiranya kejatuhan permintaan luar negeri menjadi lebih buruk. Kekuatan-kekuatan lain termasuklah kadar tabungan yang tinggi dan inflasi yang rendah. Dalam hal ini, dasar monetari dan fiskal boleh dibantu oleh langkah-langkah khusus untuk menggalakkan permintaan agregat dalam negeri.

Jadual 3.8
Hutang Luar Negeri Malaysia

	2000*a*			2001*r*		
	RM bilion	AS$ bilion	% bahagian	RM bilion	AS$ bilion	% bahagian
Hutang jangka sederhana dan panjang	**139.4**	**36.7**	**89**	**145.6**	**38.3**	**89**
Sektor awam	**78.3**	**20.6**	**50**	**84.1**	**22.1**	**51**
Kerajaan Persekutuan	*18.8*	*5.0*	*12*	*24.1*	*6.3*	*15*
PABK	*59.5*	*15.6*	*38*	*59.9*	*15.8*	*37*
Sektor swasta	**61.1**	**16.1**	**39**	**61.6**	**16.2**	**38**
Hutang jangka pendek	**17.5**	**4.6**	**11**	**17.5**	**4.6**	**11**
Institusi perbankan	*9.3*	*2.4*	*6*	*9.3*	*2.4*	*6*
Sektor swasta bukan bank	*8.3*	*2.2*	*5*	*8.3*	*2.2*	*5*
Jumlah Hutang Luar Negeri	**157.0**	**41.3**	**100**	**163.2**	**42.9**	**100**
% daripada KNK						
Jumlah hutang	50.5			50.3		
Hutang jangka sederhana dan panjang	44.9			44.9		
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)						
Jumlah hutang	5.0			5.0		
Hutang sederhana dan panjang	4.7			4.7		

a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia

Memandangkan ketidakpastian dalam persekitaran antarabangsa, pendirian fiskal pada keseluruhannya akan terus mengekalkan pendirian tindakbalas kepada kitaran. Paras hutang yang rendah, kedua-dua hutang luar dan Kerajaan Persekutuan, memberikan fleksibiliti untuk bergantung kepada langkah-langkah fiskal bagi menyerap kesan ekonomi daripada pertumbuhan sedunia yang menyederhana. Kedudukan kewangan semasa Kerajaan cukup kukuh untuk memberikan fleksibiliti untuk melaksanakan program rangsangan yang seterusnya (butir-butir terperinci dalam Dasar Fiskal pada tahun 2001).

(2001-2005) dan Pelan Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) yang akan dikeluarkan pada bulan April 2001. Dalam sektor kewangan, Pelan Induk Pasaran Modal dan Pelan Induk Sektor Kewangan masing-masing telah dilancarkan pada 22 Februari 2001 dan 1 Mac 2001.

Pelan-pelan ini menetapkan strategi-stategi untuk pembangunan sektor kewangan di sepanjang dekad ini. Pelan Induk Ekonomi Pengetahuan yang dicadang untuk dikeluarkan pada tahun ini juga merupakan satu rancangan untuk menggerakkan

Strategi pertumbuhan jangka panjang Kerajaan bertujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi secara meluas. Pelan Rancangan Jangka Panjang Ketiga, 2001-2010, Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005, dan Pelan Induk Pengetahuan mengandungi strategi yang akan membawa Malaysia ke fasa pertumbuhan seterusnya yang didorong oleh faktor dalaman.

Kadar inflasi yang rendah dan lebihan akaun semasa yang besar juga mengizinkan dasar monetari terus akomodatif bagi mengukuhkan langkah-langkah fiskal (butir-butir terperinci dalam Dasar Monetari pada tahun 2001). Pengurusan risiko adalah penting dalam mengekalkan kestabilan dalam pasaran kewangan, dalam keadaan landskap kewangan dan ekonomi yang kian berubah. Usaha-usaha akan digiatkan untuk memantau dan bertindak balas kepada risiko-risiko sementara memenuhi keperluan pasaran dengan cara yang akan mengukuhkan asas struktur kewangan dan ekonomi.

Memandangkan peningkatan globalisasi, penyerapan teknologi maklumat dan liberalisasi pasaran modal, strategi-strategi untuk meningkatkan prospek pertumbuhan jangka panjang telah digubal untuk menjadikan ekonomi Malaysia sebuah ekonomi yang didorong oleh penggunaan buruh, teknologi dan modal yang lebih cekap. Dengan pelancaran beberapa pelan strategik pada tahun 2001, usaha-usaha akan diarahkan untuk meningkatkan kapasiti dalam negeri, mempergunakan kelebihan persaingan dan membangunkan peluang-peluang yang saling mendorong dalam semua sektor. Strategi jangka panjang Kerajaan untuk dekad seterusnya akan digariskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan

Malaysia masuk ke ekonomi baru dengan mengambil faedah daripada penggunaan pengetahuan, kemahiran, rantaian, idea dan teknologi yang lebih intensif. Pelan tersebut akan mengenal pasti strategi-strategi yang perlu diambil oleh kesemua sektor dalam ekonomi bagi mencapai peralihan daripada ekonomi berasaskan pengeluaran kepada ekonomi berasaskan pengetahuan untuk menjana kekayaan.

Ringkasnya, pelan-pelan tersebut akan menyediakan rangka kerja dan strategi yang bersesuaian untuk membawa negara ke fasa seterusnya di mana pertumbuhan didorong oleh faktor-faktor dalaman yang disokong oleh keupayaan asli. Satu persamaan dalam semua pelan ialah mempertingkatkan daya saing. Sementara fokus pelan-pelan adalah kepada pengembangan kapasiti dalam negeri, sebagai sumber pertumbuhan di samping usaha mencapai sasaran prestasi pertumbuhan, perkongsian dengan para pengusaha antarabangsa juga akan dijalankan. Pergantungan kini ke atas pelaburan asing langsung dan sektor eksport akan diurus dengan cara yang akan menghasilkan sinergi yang lebih baik di antara pengusaha tempatan dan antarabangsa untuk mencapai sasaran pertumbuhan dan pendapatan per kapita di samping kestabilan ekonomi dan sosial.

Oleh kerana pembangunan sumber manusia diakui sebagai elemen penentu dalam meningkatkan daya saing negara, perhatian yang khusus akan diberikan ke atas bidang ini untuk mempercepatkan perpindahan ke sebuah ekonomi yang berteraskan pengetahuan. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperuntukkan sumber tambahan untuk sektor pendidikan bagi mengurangkan jurang pengetahuan dan kemahiran. Bahagian perbelanjaan ke atas sektor pendidikan kepada jumlah perbelanjaan pembangunan kekal tinggi pada 22.1% bagi tahun 2001. Pendekatan menyeluruh yang diambil dalam pendidikan akan menekankan peningkatan dalam pertumbuhan produktiviti melalui pelaburan dalam IT dan teknologi berintensifkan pengetahuan. Oleh itu, langkah-langkah telah diambil untuk menggalakkan kebolehan menggunakan komputer di kalangan pelajar dan pekerja, meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta menyemak semula kurikulum di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi yang sedia ada sejajar dengan perkembangan dan keperluan semasa. Menjelang akhir tahun 2001, semua sekolah dijangka dilengkapkan dengan komputer dan perisian melalui program Sekolah Bistari, dengan keutamaan diberikan kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

Sistem pendidikan akan diperkukuhkan bagi menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi untuk memenuhi permintaan industri dan mewujudkan peluang-peluang untuk pembelajaran sepanjang hayat selepas para pelajar menamatkan pendidikan formal mereka. Manakala penekanan akan diberikan ke atas peningkatan pembangunan kemahiran tinggi melalui skim latihan, latihan semula dan latihan kerja, usaha-usaha untuk mengumpul bakat-bakat terbaik dari Malaysia dan luar negara juga telah dipertingkatkan. Oleh itu, insentif-insentif telah disediakan dalam Belanjawan Tahun 2001 untuk menarik rakyat Malaysia berkemahiran tinggi yang bekerja di luar negara kembali ke Malaysia.

Pada tahun 2001 dan seterusnya, strategi pertumbuhan akan ditujukan ke arah menggalakkan pembangunan ekonomi secara menyeluruh. Untuk terus mengurangkan keadaan mudah terjejas kepada permintaan luar, pendekatan seimbang telah diambil, disasarkan untuk mengembangkan bidang-bidang tradisional, sementara membangunkan sumber-sumber pertumbuhan baru dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian. Dalam sektor perkhidmatan tradisional, isu-isu yang sedang ditangani adalah berhubung keperluan untuk mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti untuk mengoptimumkan penggunaan kapasiti yang besar hasil daripada pelaburan pada tahun-tahun pra-krisis. Bidang-bidang pertumbuhan baru akan memberi fokus kepada sektor berasaskan sumber, perkhidmatan dan aktiviti berkaitan ICT.

Di sektor pertanian, pembangunan akan memberi fokus kepada peningkatan sumbangannya kepada KDNK. Tanaman ladang tradisional akan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor tersebut. Sejajar dengan dasar perindustrian negara, penstrukturan semula dan pemodenan sektor tanaman ladang tradisional (kelapa sawit, getah dan koko) akan diberikan dorongan baru memandangkan peranannya dalam meningkatkan sumbangan industri yang berasaskan sumber tempatan dalam sektor perkilangan. Sasaran ini akan dicapai melalui insentif-insentif pengurangan kos menjalankan perniagaan dan langkah-langkah untuk memoden dan mengurangkan pergantungan kepada tenaga buruh dalam sektor perladangan. Dalam Belanjawan Tahun 2001, insentif termasuklah pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin dan peralatan yang digunakan untuk tujuan pertanian.

Pada masa yang sama, sub-sektor pertanian bukan tradisional, terdiri terutamanya daripada sayuran, buah-buahan, ternakan dan akuakultur, disasar menambah sumbangannya sejajar dengan usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan tempatan. Untuk tahun 2001, sejumlah RM84 juta telah diperuntukkan untuk membangunkan 18,400 hektar Taman Kekal Pengeluaran Makanan oleh Kerajaan Negeri. Taman-taman ini akan disediakan sebagai zon kekal pengeluaran pertanian yang boleh disewakan pada kadar rendah kepada para usahawan. Tambahan lagi, insentif cukai yang sedia ada untuk menggalakkan pengeluaran makanan dalam sektor pertanian juga telah dilanjutkan kepada syarikat-syarikat yang melabur dalam anak syarikat yang menjalankan projek-projek pengeluaran

makanan. Untuk meningkatkan pengedaran barang makanan, syarikat-syarikat yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan rangkaian sejuk layak menerima insentif cukai.

Pendekatan-pendekatan baru juga sedang dibangunkan dalam pembiayaan aktiviti pertanian. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia bekerja sama dengan Kementerian Pertanian dan institusi perbankan untuk menangani isu kemudahan kredit untuk membiayai aktiviti dalam sektor pertanian. Pada masa yang sama, usaha-usaha juga sedang digiatkan untuk meningkatkan operasi dan kecekapan Bank Pertanian Malaysia dalam menyediakan kredit kepada sektor pertanian. Usaha-usaha juga ditujukan kepada mengenal pasti dan membangunkan perlindungan serta perkhidmatan insurans yang diperlukan oleh sektor pertanian. Sebuah jawatankuasa bertindak mengenai insuran pertanian yang terdiri daripada wakil-wakil daripada Bank Negara Malaysia, Kementerian Pertanian, Bank Pertanian Malaysia dan para penginsuran telah ditubuhkan bagi membangunkan perlindungan dan perkhidmatan insurans untuk melengkapkan usaha-usaha lain dalam menambah sumber kredit untuk pembiayaan aktiviti pertanian.

Satu sumber penting bagi pertumbuhan ialah industri-industri baru dalam bidang ICT. Sementara pembangunan MSC telah berjaya, usaha yang lebih diperlukan untuk mencapai potensi sepenuhnya. Khususnya, usaha-usaha ditujukan ke arah meningkatkan cara-cara pembiayaan serta pembangunan kemahiran usahawan. Dalam Belanjawan Tahun 2001, penggalakan keusahawanan tempatan telah diberikan keutamaan bagi menghasilkan satu kumpulan usahawan yang bertenaga dalam bidang ICT. Pembiayaan modal teroka untuk aktiviti berisiko tinggi seumpamanya diberikan penekanan. Dalam membangunkan industri modal teroka, terutamanya sebagai sumber alternatif pembiayaan modal untuk ICT, Kerajaan mengumumkan dalam Belanjawan Tahun 2001 bahawa Tabung Modal Teroka sebanyak RM500 juta akan ditubuhkan. Juga, Kerajaan telah meluaskan skop penyelidikan di bawah Pengintensifan Penyelidikan Bidang-Bidang Utama untuk meliputi syarikat-syarikat modal teroka yang berminat untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (P & P) di Koridor Raya Multimedia (MSC) dan tempat-tempat lain yang dilluluskan. Bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor-sektor berisiko tinggi di mana syarikat-syarikat teroka beroperasi, pelaburan dalam syarikat-syarikat teroka yang diluluskan yang terlibat dalam pembiayaan permulaan, modal benih dan pembiayaan peringkat awal diberikan pengurangan cukai bersamaan dengan nilai pelaburan.

Dalam kedua-dua bidang tradisional dan pertumbuhan baru, penarikan pelaburan asing langsung kini mendapat fokus baru. Pelaburan asing langsung akan bertumpu kepada barangan perkilangan yang bernilai lebih tinggi sementara penekanan yang lebih diberikan kepada P & P dan keperluan untuk meningkatkan sinergi di antara operasi-operasi di Malaysia dan luar negara. Untuk menggalakkan pelaburan asing langsung, dasar yang membenarkan pemilikan ekuiti asing sebanyak 100% dalam industri-industri perkilangan yang digalakkan, tanpa mengira tahap eksport dilanjutkan sehingga tahun 2003. Dalam hal ini, usaha-usaha akan dipertingkatkan untuk menarik pelaburan berkualiti bagi menggalakkan perpindahan teknologi, di samping pelaburan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Sebagai langkah untuk mempercepatkan pembangunan Koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, insentif-insentif yang diberikan kepada projek perkilangan, pertanian dan pelancongan, yang terdiri daripada Status Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan yang luput pada 31 Disember 2000 telah dilanjutkan untuk lima tahun lagi sehingga 31 Disember 2005. Untuk menggalakkan pelaburan semula yang berterusan dalam pengeluaran produk-produk yang digalakkan oleh syarikat-syarikat perkilangan dan pengeluar makanan, syarikat-syarikat telah diberikan elaun modal dipercepatkan ke atas perbelanjaan untuk digunakan dalam tempoh tiga tahun selepas luputnya elaun pelaburan semula.

Penggalakan kerjasama bijak bukan hanya melalui pegangan ekuiti asing tetapi juga pengurusan adalah digalakkan. Dalam menyediakan perkhidmatan sokongan di samping P & P untuk industri-industri berteknologi tinggi, Kerajaan mengumumkan peruntukan sebanyak RM16.7 juta dalam Belanjawan Tahun 2001 untuk melengkapkan Pusat Tekno di Taman Tekno-Tinggi Kulim. Oleh kerana reka bentuk pembungkusan adalah faktor penting dalam menentukan kejayaan sesuatu penembusan pasaran, bayaran

profesional dalam mereka bentuk pembungkusan layak untuk potongan dua kali ganda, dengan syarat barangan tersebut mempunyai kualiti eksport dan syarikat menggunakan khidmat profesional tempatan.

Dalam sektor kewangan, pengumuman Pelan Induk Sektor Kewangan dan Pelan Induk Pasaran Modal memberikan kenyataan jelas mengenai falsafah yang menunjang usaha-usaha pembangunan sepuluh tahun ke hadapan, dan pelan tindakan yang menggabungkan cadangan-cadangan khusus dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Fasa pertama Pelan Induk Sektor Kewangan yang meliputi tempoh tiga tahun akan memberi fokus kepada peningkatan kapasiti dan keupayaan dalam negeri, sebelum menuju ke fasa kedua untuk meliberalisasikan secara beransur-ansur, dan seterusnya dalam fasa ketiga, menuju ke arah integrasi antarabangsa yang lebih kukuh.

Dalam membina kapasiti dalam negeri, penggabungan 54 buah institusi perbankan kepada 10 kumpulan perbankan mencerminkan langkah pertama dalam pengukuhan bank-bank tempatan. Untuk memastikan kumpulan perbankan yang telah digabungkan bermodal kukuh bagi menghadapi cabaran-cabaran akan datang, Bank Negara Malaysia telah menaikkan dana modal minimum, tanpa dicacatkan oleh kerugian, bagi kumpulan perbankan tempatan kepada RM2 bilion, sementara dana modal minimum bagi institusi perbankan milik asing dinaikkan kepada RM300 juta. Ini akan memastikan setiap institusi perbankan akan mencapai satu saiz kritikal bagi membolehkan mereka menjadi pesaing yang efektif dalam persekitaran yang semakin menjadi liberal. Institusi perbankan telah diberi sehingga 31 Disember 2001 untuk memenuhi keperluan modal yang baru. Menjelang akhir suku tahun pertama tahun 2001, sebanyak sembilan kumpulan perbankan tempatan dan sembilan institusi perbankan yang dimiliki asing sudah memenuhi keperluan modal minimum yang baru, iaitu awal dari jadual.

Selaras dengan prospek negara untuk tahun 2001, industri perbankan Islam dijangka menyaksikan pengembangan aktiviti pembiayaannya dan prestasi yang bertambah baik. Penyatuan institusi perbankan tempatan tidak dijangka mengganggu pertumbuhan industri tersebut. Hasil daripada rasionalisasinya, institusi perbankan yang terlibat dalam Skim Perbankan Islam akan menjadi lebih kukuh dan cekap. Industri perbankan Islam dijangka berkembang pada tahun 2001 dan meningkatkan bahagian pasarannya kepada 8%, relatif kepada jumlah sistem perbankan pada tahun 2001. Adalah dijangkakan bahawa permulaan rangka kerja untuk mengukuhkan operasi dan infrastruktur institusi industri perbankan Islam, seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan akan menyumbang dengan konstruktif terhadap pengembangan industri. Rancangan telah juga dirumuskan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan Islam serantau dengan industri perbankan Islam dan Takaful memainkan peranan yang lebih utama dalam sistem kewangan. Ini akan ditambahkan oleh berbagai usaha untuk membolehkan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan memainkan peranan utama dalam aktiviti kewangan dan perbankan Islam sedunia.

Sebagaimana dengan sektor perbankan, usaha akan dipertingkatkan untuk memperkukuhkan syarikat insurans dan syarikat broker saham, dengan objektif utamanya untuk membentuk teras firma tempatan yang kukuh yang berupaya untuk bersaing dengan jayanya. Selain daripada menggalakkan penggabungan di kalangan syarikat insurans, Bank Negara Malaysia telah mempertingkatkan keperluan modal berbayar minimum bagi syarikat insurans daripada RM50 juta kepada RM100 juta, bertujuan untuk mengukuhkan lagi ketahanan kewangan penginsurans. Adalah dijangkakan bahawa sesetengah penginsurans akan memilih untuk bergabung dengan penginsurans lain dalam usaha untuk mematuhi keperluan modal minimum yang lebih tinggi yang akan berkuatkuasa mulai 30 Jun 2001. Untuk meneruskan usaha mempertingkatkan peranan institusi pembangunan kewangan (DFI), satu rangkakerja pengawalan baru bagi DFI akan disediakan. Rangkakerja pengawalan yang baru ini bertujuan untuk menyeragamkan operasi dan pengawalseliaan DFI di bawah satu pihak berkuasa penyeliaan.

Kegiatan penstrukturan semula korporat akan memperlihatkan lebih banyak kemajuan pada tahun 2001, beralih daripada penyusunan semula kewangan kepada mempertingkatkan penyusunan semula operasi untuk mempertingkatkan daya saing keseluruhan ekonomi. Menyedari bahawa masalah-masalah

sektor korporat seperti hutang yang berlebihan dan kepelbagaian yang berlebihan boleh meningkatkan pendedahan kepada kejutan, usaha sedang diambil ke arah pelepasan pelaburan dan memberi tumpuan yang lebih kepada aktiviti asas. Pelaburan dalam merancang semula proses perniagaan, teknologi, pemasaran, P & P, pengeluaran dan struktur pengurusan, adalah bertujuan untuk melahirkan syarikat-syarikat yang kukuh yang mengambil peluang daripada ekonomi ikut skel. Proses tersebut perlu diteruskan untuk memastikan daya saing harga dan barangan agar dapat diintegrasikan dengan baik ke dalam rangkaian nilai antarabangsa. Di sebalik kos penstrukturan semula yang tinggi, perniagaan perlu memahami bahawa penstrukturan semula adalah penting untuk memastikan ketahanan entiti perniagaan. Di pihaknya, Kerajaan akan terus menggalakkan peraturan-peraturan yang baik dan berhemat yang bertindak balas terhadap keperluan pasaran di samping piawai pentadbiran korporat yang diterima pada peringkat antarabangsa bagi melicinkan ketelusan dan akauntabiliti.

Sebagai tambahan kepada pengenalan pemeriksaan dan imbangan yang berpatutan untuk memastikan keputusan-keputusan dibuat atas asas rasional yang baik, usaha-usaha akan dipertingkatkan untuk menggalakkan perbandingan, perkaitan, kepercayaan dan maklumat yang diisytiharkan tepat yang masanya agar maklumat boleh dipercayai. Sehaluan dengan ini, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah menggubal semula Peraturan Penyenaraiannya bagi menyediakan undang-undang yang komprehensif untuk mengukuhkan lagi amalan korporat syarikat-syarikat yang tersenarai dalam BSKL. Disebabkan peningkatan penzahiran oleh syarikat awam yang tersenarai memudahkan keputusan dibuat oleh para pelabur berdasarkan maklumat yang mencukupi, akses kepada modal oleh syarikat-syarikat menjadi semakin tangkas dan mudah. Semua syarat untuk dipatuhi dengan pelarasan semula Peraturan Penyenaraian akan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2001, kecuali beberapa syarat terpilih yang telah berkuat kuasa mulai 15 Februari 2001.

Keseluruhannya, kombinasi kedua-dua langkah pelarasan makro ekonomi dan struktur dijangka menghasilkan ekonomi dan sektor kewangan yang stabil, kukuh dan lebih pelbagai. Pada masa depan, ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan yang bercirikan peningkatan produktiviti dan daya tahan. Penubuhan mekanisme-mekanisme untuk menghadapi risiko-risiko seperti sistem amaran awal dalam sektor kewangan di samping asas-asas ekonomi yang lebih kukuh dijangka akan menyediakan suatu pertahanan terhadap potensi perkembangan buruk. Yang pentingnya, pengenalan strategi-strategi yang termaktub dalam Pelan-Pelan jangka panjang yang akan dikeluarkan pada tahun 2001 akan menentukan tahap pertumbuhan yang mapan yang banyak menggunakan pengetahuan, inovasi dan pembangunan teknologi.

Dasar Monetari pada tahun 2001

Pada tahun 2001, dasar monetari akan terus komited untuk mencapai objektif menyokong pertumbuhan ekonomi di samping memastikan kadar inflasi yang rendah dan stabil. Pendirian dasar ini akan berasaskan kepada penilaian risiko yang cenderung terhadap pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan di negara perindustrian, yang boleh menjejaskan pertumbuhan yang berasaskan eksport bagi negara serantau, termasuk Malaysia. Dari segi kadar pertukaran, fokus dasar adalah untuk memastikan bahawa kadar pertukaran ringgit adalah konsisten dengan asas-asas ekonomi dan ianya tidak akan menjadi punca ketidakseimbangan ekonomi makro.

Dasar monetari akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi, di samping memelihara kestabilan harga dan kewangan. Kadar inflasi yang rendah membenarkan dasar monetari untuk kekal akomodatif.

Walaupun dasar monetari pada tahun 2001 akan terus berasaskan kepada pertimbangan dalam negeri, perkembangan dalam persekitaran antarabangsa juga akan mempunyai kesan terhadap perlaksanaan dasar monetari. Di **peringkat antarabangsa**, terdapat tanda-tanda

awal mengenai kelembapan ekonomi yang lebih besar daripada jangkaan, khususnya di Amerika Syarikat, mengakibatkan jangkaan penurunan yang ketara dalam pertumbuhan perdagangan dunia. Memandangkan keadaan inflasi yang tidak begitu membimbangkan dalam suasana permintaan dunia menjadi sederhana dan harga minyak, dasar monetari adalah lebih fleksibel untuk terus menyokong pertumbuhan. Perubahan pendirian dasar monetari yang lebih cenderung kepada penurunan di Amerika Syarikat dan penurunan kadar faedah yang selanjutnya di beberapa buah negara perindustrian dan serantau, mungkin akan menghasilkan kitaran kelonggaran dalam dasar monetari sedunia. Walau bagaimanapun, apa yang lebih membimbangkan ialah perilaku pasaran kewangan dan aliran mudah tunai sedunia.

Di peringkat tempatan pula, disebabkan oleh keterbukaan ekonomi Malaysia, kelembapan pertumbuhan sedunia dijangka akan mempunyai kesan terhadap prestasi ekonomi Malaysia. Secara keseluruhannya, KDNK benar dijangka akan menyederhana kepada 5-6% daripada 8.5% pada tahun 2000. Dalam suasana pertumbuhan yang lebih perlahan dan inflasi sedunia yang lembap sedikit, kadar inflasi tempatan dijangka akan kekal pada tahap yang rendah. Walaupun ekonomi Malaysia tidak bebas daripada perkembangan dalam ekonomi Amerika Syarikat, asas ekonomi dan sistem kewangan Malaysia yang telah diperkukuhkan akan memberi ruang yang lebih fleksibel bagi menangani kelemahan negara terhadap perkembangan ini. Dalam hal ini, kelonggaran dasar monetari yang pantas dan ketara pada tahun 1998 dan 1999 akan terus menghasilkan suasana yang memuaskan bagi mengekalkan tahap permintaan dalam negeri yang secara keseluruhannya menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri.

Berlatarbelakangkan keadaan ini, dasar monetari akan terus menekankan pembentukan suasana yang stabil dan kebolehjangkaan dalam keadaan pasaran, yang mana seterusnya menjadi asas kepada aktiviti ekonomi. Perlaksanaan dasar monetari akan terus berusaha ke arah memelihara kestabilan harga dan kewangan. Dasar monetari akan juga memastikan yang objektif utama ini merupakan suatu kaedah untuk mencapai pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang kekal. Dalam hal ini, mudah tunai akan diurus dengan berhemat bagi membantu pertumbuhan ekonomi agar ianya berada pada tahap yang hampir dengan potensi keupayaan tanpa memberi tekanan kepada inflasi.

Perlaksanaan dasar monetari juga akan berpandukan kepada keperluan untuk menjamin keseimbangan bagi menggalakkan pelaburan dan tabungan dengan cara yang paling cekap. Transformasi struktur ekonomi yang sedang dilalui memerlukan perubahan paradigma dalam syarat pembiayaan bagi menyokong ekonomi baru dengan cara yang berhemat. Terdapat keperluan untuk menggunakan kadar tabungan ekonomi Malaysia yang tinggi secara berkesan bagi memastikan pembiayaan yang mencukupi pada kos yang berpatutan untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang berasaskan pengetahuan dan teknologi. Keutamaan polisi juga adalah untuk memastikan tabungan mendapat kadar pulangan benar yang positif. Pada masa yang sama, usaha akan diperhebatkan untuk memberikan sumber pembiayaan alternatif untuk menyokong ekonomi berasaskan pengetahuan tanpa menghasilkan risiko baru dalam ekonomi, terutamanya dari segi pembiayaan bon dan modal teroka.

Dasar monetari akan terus pragmatik dan fleksibel bersesuaian dengan perubahan yang pantas dalam persekitaran ekonomi dan kewangan dan risiko yang berkaitan dengan kecenderungan yang meningkat terhadap globalisasi. Dalam keadaan yang demikian, dasar monetari akan diurus melalui peningkatan instrumen berdasarkan pasaran. Apabila dasar monetari beroperasi melalui sistem kewangan, langkah semasa untuk mengukuhkan institusi perbankan dan meningkatkan kecekapan mereka akan membantu meningkatkan keberkesanan dasar monetari. Pasaran modal yang semakin mendalam akan membolehkan BNM untuk lebih menggunakan operasi pasaran terbuka dan tidak hanya bergantung kepada instrumen langsung seperti keperluan rizab berkanun dalam perlaksanaan dasar monetari. Inovasi kewangan dan mekanisme pembayaran yang baru seperti *"e-money"* akan menyebabkan operasi dasar monetari menjadi lebih rumit. Dalam hal ini, BNM akan sentiasa berwaspada bagi memastikan dasar monetari adalah berkait rapat dengan polisi makro ekonomi lain bagi menentukan pencapaian pertumbuhan ekonomi jangka panjang dengan keadaaan monetari yang stabil.

Namun demikian, kesesuaian dasar monetari yang akomodatif bergantung kepada beberapa faktor, khususnya, prospek makro ekonomi dalam negeri dan perkembangan ekonomi mikro negara perindustrian dan serantau. Dari segi sektor luaran, penurunan kadar faedah antarabangsa dan dasar monetari antara Malaysia dan negara membangun yang hampir serupa juga akan memberikan ruang yang lebih fleksibel kepada BNM untuk menyokong pertumbuhan ekonomi tanpa menggugat kestabilan harga dan luaran. Di peringkat dalam negeri, penilaian semasa menunjukkan inflasi yang rendah untuk jangka sederhana dan baki luaran yang positif akan terus memberi keadaan yang fleksibel untuk meneruskan polisi yang akomodatif. Inflasi akan kekal rendah disebabkan tiadanya tekanan permintaan dan inflasi import. Kadar pertukaran ringgit dijangka akan kekal konsisten dengan asas ekonomi, memandangkan ancaman ketidakseimbangan yang ketara adalah minimum.

Dalam keadaan sekarang, ekonomi Malaysia telah bertambah kukuh dari beberapa segi berikutan langkah yang telah diambil untuk memperkukuhkan ketahanan ekonomi terhadap tekanan luaran. Keutuhan sistem perbankan telah menjadi bertambah baik. Permodalan bank yang lebih kukuh telah membantu meningkatkan ketahanan mereka, di mana ianya adalah mustahak untuk perlaksanaan dasar monetari yang berkesan. Hutang luaran telah berkurang dengan struktur kematangan yang nyata bertambah baik. Nisbah hutang jangka masa pendek berbanding jumlah hutang dan rizab antarabangsa yang telah merosot, membantu memperbaiki kedudukan mudah tunai luaran Malaysia. Langkah terbaru telah berjaya menghasilkan pasaran aset yang stabil. Peningkatan ketahanan melalui kemajuan asas ekonomi serta tabungan dalam negeri yang tinggi akan memberi lebih fleksibiliti dan meningkatkan kecekapan polisi makro ekonomi termasuk dasar monetari. Sektor perbankan dan ekonomi yang kukuh akan membolehkan polisi membantu aktiviti ekonomi dalam negeri.

Memandang ke hadapan, terdapat **beberapa cabaran** yang menanti dasar monetari pada tahun 2001. Yang terpenting ialah keupayaan untuk menilai risiko masa hadapan agar langkah polisi berjaga-jaga dapat diambil untuk membendung sebarang kelemahan yang bakal timbul dalam ekonomi. Dengan peningkatan pasaran yang lebih global dan ketidaktentuan dalam suasana ekonomi global, adalah agak sukar untuk meramal prospek pertumbuhan perdagangan dunia dan reaksi aliran dana. Ini lebih meruncing pada tahun 2001 di mana kelembapan ekonomi Amerika Syarikat berlaku serentak dengan kitaran elektronik yang menurun, termasuk juga kemunculan ketidakpastian dalam ekonomi "baru". Oleh itu, polisi akan berasaskan pemantauan yang ketat ke atas semua penunjuk ekonomi dan kewangan. Cabaran yang dihadapi adalah untuk sedia menjangka sesuatu bagi memastikan semua langkah yang diambil bukan sahaja membantu meningkatkan prospek pertumbuhan yang mapan tetapi juga meningkatkan ketahanan negara terhadap tekanan luaran. Pembentukan beberapa penunjuk amaran awal yang dihasilkan semenjak krisis di Asia akan membantu pemantauan ke atas sebarang risiko yang mungkin timbul dan membolehkan tumpuan yang lebih ke atas sektor yang lemah dalam ekonomi. Oleh yang demikian, dasar monetari akan dilaksanakan dengan cara yang fleksibel dan pragmatik untuk menangani perubahan dalam arah aliran ekonomi dan kewangan.

Satu lagi cabaran kepada pengurusan dasar monetari ialah **pengurusan aliran mudah tunai** dalam sistem kewangan. Pada masa ini, terdapat mudah tunai yang mencukupi dalam sistem, yang mana akan terus meningkat melalui aliran masuk perdagangan dan modal jangka panjang. Aliran masuk ini akan memberikan mudah tunai yang diperlukan untuk membiayai aliran keluar berikutan urus niaga perniagaan, pembayaran semula hutang serta pelaburan luar negeri. BNM juga mempunyai instrumen yang mencukupi bagi memastikan bahawa mudah tunai asas adalah konsisten dengan keperluan untuk memberikan pembiayaan yang mencukupi pada kos yang berpatutan kepada sektor swasta. Terdapat juga fleksibiliti untuk membebaskan mudah tunai yang disimpan dengan BNM tanpa mengakibatkan risiko baru kepada sistem kewangan.

Adalah mustahak untuk memberikan satu suasana yang stabil yang **membolehkan proses penyusunan semula kewangan yang sedang berlangsung berjalan dengan lancar** tanpa sebarang gangguan terhadap proses pengantaraan. Di samping usaha untuk memperkukuhkan sektor kewangan dipergiatkan, BNM akan terus mengawasi dengan teliti aktiviti pinjaman bank agar sektor swasta terus

mendapat akses kepada pembiayaan bagi membantu pertumbuhan ekonomi negara. Pada masa yang sama, BNM akan terus memastikan bahawa aktiviti pinjaman institusi perbankan adalah berhemat dan bank tidak terlalu terdedah kepada sesuatu sektor yang tertentu yang boleh memburukkan keutuhan sistem perbankan dan ekonomi secara keseluruhannya. Di samping itu, BNM akan terus memantau supaya proses penyusunan semula kewangan berjalan lancar dan tidak akan menyebabkan salah lokasi *(dislocation)* dan ketidakstabilan yang ketara.

Dari segi **pertukaran mata wang**, kadar pertukaran ringgit semasa pada RM3.80 kepada dolar Amerika Syarikat kekal konsisten dengan asas ekonomi Malaysia. Kadar pertukaran terus disokong oleh lebihan akaun semasa yang kukuh, paras rizab antarabangsa yang tinggi dan kadar inflasi yang rendah dan stabil. Hutang luar negeri kekal rendah dengan rizab melebihi hutang luar negeri jangka pendek sebanyak enam kali. Polisi ekonomi makro dalam negeri kekal konsisten dengan rejim kadar pertukaran mata wang tetap. Polisi di Malaysia sentiasa bertujuan memelihara daya saing antarabangsanya melalui keberkesanan dan hasil produktiviti, dan tidak bergantung kepada pertukaran mata wang asing untuk daya saing antarabangsa. Faktor yang terkemudian hanya akan memberikan keuntungan sementara kepada prestasi eksport, dan ini akan mengakibatkan kos yang tinggi kepada ekonomi, termasuk inflasi yang lebih tinggi, peningkatan kos khidmat hutang dan kemerosotan keyakinan sektor swasta pada mata wang. Sebaliknya, kestabilan mata wang adalah juga satu faktor kompetitif. Di Malaysia, kestabilan ini telah menurunkan kos perniagaan dengan membantu perancangan dan penetapan harga oleh agen-agen ekonomi. Ini telah disahkan oleh sektor swasta, khususnya para pengilang dan pedagang. Oleh yang demikian, polisi Kerajaan adalah untuk terus mengekalkan pertukaran mata wang yang stabil dan asas yang kukuh dan bukannya bertindak terhadap perubahan kecil dan ketidakseimbangan dalam masa pendek yang boleh berubah arah dalam masa yang singkat akibat dalam perubahan sentimen.

Dasar Fiskal pada tahun 2001

Dasar fiskal Kerajaan yang mengembang akan diteruskan pada tahun 2001. Walaupun pemulihan ekonomi mengukuh dengan nyata pada tahun 2000, ketidaktentuan dalam persekitaran ekonomi dan perniagaan mungkin menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi. Khususnya, kelembapan ekonomi Amerika Syarikat yang lebih teruk daripada yang dijangkakan akan meningkatkan kebimbangan atas kesannya kepada ekonomi dalam negeri disebabkan permintaan luar negeri yang dijangka menurun. Oleh yang demikian, strategi dan langkah belanjawan Kerajaan bertumpu kepada dorongan fiskal yang diperlukan untuk mengukuhkan permintaan agregat dalam negeri. Dengan mengambil kira perkara-perkara ini, teras utama Belanjawan 2001 yang telah dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober 2000 bertujuan untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara; melaksanakan inisiatif strategik bagi mempertingkatkan daya saing negara; dan meneruskan agenda masyarakat penyayang.

Operasi belanjawan Kerajaan Persekutuan akan kekal mengembang untuk menyokong sektor swasta dalam menyokong pertumbuhan ekonomi. Walaupun dasar fiskal mengembang semenjak tahun 1998, Malaysia menikmati fleksibiliti fiskal tanpa menghasilkan risiko dalam ekonomi. Ini adalah kerana tahap hutang sektor awam yang kekal terurus dengan nisbah jumlah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK kurang daripada 40%. Khidmat hutang Kerajaan Persekutuan juga rendah dengan bayaran faedah hanya mencakupi lebih kurang 16% daripada perbelanjaan mengurus.

Dasar yang komited kepada perlaksanaan fiskal yang berhemat dan berdisiplin telah memastikan kedudukan fiskal yang mapan untuk jangka masa panjang, seterusnya mengukuhkan fleksibiliti dasar fiskal sepanjang tempoh penguncupan ekonomi. Pada tahun 2001, Kerajaan Persekutuan akan terus melaksanakan dasar fiskal yang berhemat. Tahap perbelanjaan akan diuruskan dengan mengambil kira keperluan untuk merangsang aktiviti ekonomi, mengekalkan kedudukan lebihan dalam akaun semasa, mengelakkan pergantungan yang melampau ke atas pinjaman luar negeri dan mengelak daripada meminggir sektor swasta dari segi pinjaman yang berlebihan daripada sistem kewangan dalam negeri. Sama pentingnya, rangsangan fiskal akan memastikan perbelanjaan bertumpu kepada industri yang mempunyai rantaian dalam ekonomi dalam negeri, dan seterusnya menghasilkan kesan penggandaan yang

tinggi. Seperti tahun-tahun yang lalu, program rangsangan fiskal akan memastikan pengaliran keluar yang minimum supaya kedudukan akaun semasa yang baik dalam imbangan pembayaran akan dikekalkan.

Kedudukan keseluruhan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2001 dijangka mencatatkan defisit fiskal sebanyak RM16.5 bilion atau 4.7% daripada KDNK. Peruntukan yang lebih tinggi akan disalurkan kepada projek dan program yang mempunyai keutamaan dari segi mengukuhkan produktiviti jangka masa panjang dan permintaan dalam negeri. Ini akan memastikan perbelanjaan dapat dibendung pada tahap yang sejajar dengan sumber-sumber yang sedia ada. Dari segi perbelanjaan pembangunan, penekanan akan terus diberikan kepada sektor perkhidmatan sosial, terutamanya untuk pendidikan dan latihan. Ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan bagi memperkembangkan ekonomi yang berteraskan pengetahuan dan untuk merapatkan jurang digital melalui pendidikan dan pembangunan sumber manusia. Penekanan juga diberikan kepada pembangunan industri, pembangunan infrastruktur serta pertanian dan pembangunan luar bandar. Pada masa yang sama, Belanjawan ini terus memberi keutamaan kepada perbelanjaan untuk meningkatkan taraf hidup, khususnya bagi masyarakat yang miskin.

Pakej fiskal dalam Belanjawan 2001 juga mengandungi langkah-langkah cukai dan bukan cukai yang bertujuan untuk merangsang aktiviti ekonomi dan mengukuhkan asas bagi pertumbuhan jangka masa panjang yang mapan. Untuk tujuan ini, insentif cukai ditujukan untuk memperkembangkan sumber-sumber pertumbuhan yang baru, membangunkan momentum pertumbuhan yang kukuh dan mempunyai keteguhan sendiri dalam permintaan dalam negeri dan mengukuhkan daya saing dan daya tahan negara. Selain daripada itu, langkah-langkah ini juga bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pasaran kewangan untuk menjadi lebih dinamik, inovatif dan berupaya untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, terutamanya dalam ekonomi yang lebih berteraskan pengetahuan. Belanjawan ini juga telah mengumumkan langkah-langkah yang bertujuan untuk mempertingkatkan sumber pembiayaan alternatif bagi mempertingkatkan akses kepada ekonomi yang semakin pelbagai sifatnya.

Sebahagian besar daripada defisit fiskal akan terus dibiayai oleh sumber dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi. Memandangkan kadar tabungan Malaysia adalah tinggi iaitu sebanyak 37% daripada KDNK, sebahagian besar daripada keperluan ini akan dibiayai melalui sumber dalam negeri. Oleh itu, Kerajaan akan membiayai defisit fiskal melalui terbitan SKM yang sebahagian besarnya akan diserap oleh kumpulan wang simpanan dan pencen serta insurans. Terbitan SKM yang kerap juga akan terus menyokong pembentukan kelok hasil tanda aras bagi memperkembangkan pasaran bon dalam negeri sekunder yang mudah cair. Pada tahun 2001, sebahagian besar daripada pinjaman luar negeri adalah daripada sumber dua hala dan pelbagai hala. Memandangkan kedudukan hutang luar negeri yang rendah, penggunaan pembiayaan daripada pasaran modal antarabangsa pada keadaan pasaran yang sesuai masih menjadi satu pilihan bagi Malaysia.